# Pelita Brunei Hujung Minggu

ڤليتا بروني

Akhbar Rasmi Kerajaan Negara Brunei Darussalam

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*


فتيقن تيته

**PETIKAN TITAH**

"KEAMANAN itu tidak ternilai harganya. Ia bukan saja patut disyukuri malahan juga mesti dipelihara. Memelihara keamanan adalah tanggungjawab semua."

- Titah Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2012.

مانيسڽ ايمان

**MANISNYA IMAN**

"DARIPADA Annas bin Malik katanya, telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Bersahurlah kamu kerana sesungguhnya pada waktu makan sahur itu terdapat keberkatan."

- (Riwayat Al-Imam Ibnu Majah).

*Waktu Sembahyang*

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.45 | 4.55 | 6.14 | 6.36 | 12.21 | 3.30 | 6.27 | 7.37 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit


TAHUN 62 / BILANGAN 45 | 15 APRIL 2017 / 1438 رجب 18 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA


# Penemuan minyak dan gas di Telaga Layang-Layang



PENEMUAN minyak dan gas di Telaga Layang-Layang di kawasan Lumut merupakan satu sejarah dan dianggap luar biasa kepada negara.

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 12 April. - Syarikat Minyak Brunei Shell (Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd. - BSP) telah berjaya membuat penerokaan baharu ke atas Telaga Layang-Layang di kawasan Lumut yang merupakan penemuan baharu di daratan yang signifikan bagi BSP dalam 37 tahun.

Penemuan Minyak dan Gas Layang-Layang merupakan yang pertama seumpamanya kerana ia mengesahkan satu konsep geologi baharu yang dikenali sebagai *Shale diapir trap* yang diterjemahkan dari data seismik dan *Brunei field outcrop studies*.

Apa yang membuatkan penemuan ini sangat luar biasa ialah aplikasi baharu, pemprosesan teknologi seismik yang terkini dari data lama yang sedia ada.

Teknologi baharu ini juga membolehkan pemikiran geologi yang berjaya dan penggerudian selamat di Telaga Layang-Layang.

Apa yang lebih bermakna adalah telaga di Seria ini merupakan telaga minyak yang pertama dan tertua di Brunei yang ditemukan pada tahun 1920.

Walaupun ia berusia lebih daripada 80 tahun, ia merupakan satu hadiah yang terus dinikmati. Seria merupakan tempat hasil pengeluaran industri minyak dan gas di Brunei dan akan terus menjana masa depan Brunei bagi generasi akan datang.

Ke muka 5

# Waspada dengan pelaburan Skim Cepat Kaya

**Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 13 April. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) mendapati terdapat video dari luar negara, yang mempromosikan pelaburan berunsurkan Skim Cepat Kaya dengan menggunakan mata wang Negara Brunei Darussalam sebagai tarikan, yang tersebar melalui media sosial.

Oleh itu, AMBD mengingatkan orang ramai untuk sentiasa berhati-hati apabila ingin menyertai mana-mana skim pelaburan atau transaksi kewangan.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak mudah terpedaya dengan mana-mana iklan skim pelaburan, dan terlebih dahulu mengesahkan kesahihan skim-skim yang ditawarkan dan meneliti risiko yang berkemungkinan timbul daripada skim tersebut.

Senarai nama individu-individu dan institusi-institusi yang dilesenkan oleh AMBD boleh didapati melalui AMBD App; atau dengan melayari laman sesawang AMBD di *http://www.ambd.gov.bn*, yang mana 'Alert List' juga telah diterbitkan.

'Alert List' adalah senarai yang mengandungi senarai syarikat-syarikat dan laman web yang tidak mempunyai kebenaran untuk menawarkan perkhidmatan kewangan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan dalam kawalan AMBD atau menjalankan mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan sama ada ia menyalahi undang-undang.

Senarai ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh AMBD mengenai aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan.

AMBD juga mengingatkan orang ramai bahawa di bawah Bab 21(1), Perintah Mata Wang, 2004, adalah menjadi kesalahan untuk menggunakan mata wang dan duit syiling Negara Brunei Darussalam dalam sebarang iklan, tanpa kebenaran AMBD.

Kesalahan ini boleh membawa kepada hukuman denda atau penjara tidak melebihi 15 tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi pihak AMBD melalui talian +673 2388388 atau melalui e-mel : *info@ambd.gov.bn*.

IKUTI KAMI DI

infodept.bn | @Infodept_bn | Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri



Muka 4

PENCAPAIAN peratus pelajar lulus STPUB meningkat



Muka 6

PENIAGA jangan ambil kesempatan ke atas pengguna

# Penubuhan TAIB memenuhi tuntutan fardu kifayah

**Bismillahir Rahmannir Rahim**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

Mengadap Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ampun beribu ampun,

**DENGAN** penuh hormat dan takzim, hamba Kebawah Duli Tuan Patik merafakkan menjunjung kasih setinggi-tingginya di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke Majlis Sambutan Ulang Tahun Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) Ke-25 Tahun pada pagi ini, dan seterusnya berkenan untuk mengurniakan titah, menyempurnakan Penyampaian Anugerah-Anugerah sempena Sambutan ini serta berangkat bercemar duli bagi menyaksikan Pameran Perbadanan TAIB, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad, Darussalam Holdings Sendirian Berhad dan Program Usahawan.

Keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ini jelas membuktikan keprihatinan mendalam Kebawah Duli Tuan Patik terhadap perjalanan dan perkembangan Perbadanan TAIB selama ini sejak la ditubuhkan 25 tahun yang lalu.

Ampun beribu ampun,

Penubuhan Perbadanan TAIB adalah merupakan detik bermulanya institusi kewangan Islam di negara ini. Iaitu bagi menjunjung visi dan pandangan jauh Kebawah Duli Tuan Patik untuk mewujudkan sebuah institusi kewangan Islam yang bertujuan untuk menjalankan usahanya melalui sistem kewangan tanpa riba.

Perbadanan TAIB ditubuhkan dengan rasminya pada 29 September 1991, di bawah Bab 163 Perintah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei, untuk mengurus tabung, di samping itu untuk melaksanakan pengendalian bank, pembiayaan, perdagangan dan pelaburan, mengambil bahagian dalam projek-projek pembangunan industri dan ekonomi dalam dan luar negeri dan lain-lain matlamat yang mungkin ditentukan dari masa ke semasa.

Urus niaga mengikut hukum-hukum syarak merupakan satu pembaharuan yang julung kali diterokai di negara ini. Fahaman masyarakat umum mengenai sistem kewangan Islam pada mulanya adalah rendah dan Perbadanan TAIB perlu menyusun beberapa program yang berterusan sebagai pendidikan untuk memberi kesedaran kepada lapisan masyarakat di negara ini mengenai sistem kewangan Islam.

Sebagai contoh di antara program-program lepas yang pernah dijalankan dengan kerjasama beberapa agensi Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik seperti Tabung Amanah Pekerja atau TAP adalah Program Pengurusan Kewangan secara Islam. Program ini sebagai langkah untuk memberi kesedaran bahawa pengurusan kewangan kepada tuntutan Syariah sebenarnya adalah keseimbangan antara dunia dan akhirat.



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) yang Ke-25 Tahun pada 26 Jamadilakhir 1438 Hijrah / 25 Mac 2017 Masihi, bertempat di Dewan Plenari Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

Usaha-usaha ini merupakan sangat mencabar kepada Perbadanan TAIB, tetapi perlu dilakukan sebagai tanggungjawab bagi memenuhi tuntutan fardu kifayah.

Ampun beribu ampun,

Alhamdulillah, Perbadanan TAIB telah menyambut Ulang Tahun Jubli Perak pada 29 September 2016 yang lalu. Pada usia 25 tahun Perbadanan TAIB dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat daulat Kebawah Duli Tuan Patik jua telah menonjol sebagai sebuah institusi kewangan Islam yang memberikan keutamaan untuk menyemai sikap menabung seperti untuk menunaikan fardu haji. Dari satu jenis akaun simpanan Al-Wadiah yang dikenalkan semasa penubuhannya, Perbadanan TAIB telah aktif dalam mempromosikan tabiat menyimpan dengan mengenalkan pelbagai jenis akaun dari seumur baru lahir sehinggalah dewasa bagi mendukung budaya penyimpanan wang untuk masa hadapan.

Pada tahun berakhir 31 Disember 2016 (sebelum audit), bilangan akaun simpanan yang dibuka secara keseluruhan adalah sebanyak 202,993 akaun. Jika dibandingkan dengan keramaian penduduk di Negara Brunei Darussalam pada 31 Disember 2016, iaitu 432,687 orang, maka secara kasar sebanyak 46.91 peratus daripada penduduk di negara ini adalah pemegang akaun simpanan Perbadanan TAIB.

Manakala bagi Akaun Tekad Haji pula, Alhamdullillah trend 17 tahun kebelakangan mencatatkan pertumbuhan jumlah bilangan akaun yang dibuka sebanyak 11 peratus setahun atau secara purata 977 akaun setahun. Dari pencapaian ini, menunjukkan bahawa usaha-usaha Perbadanan TAIB untuk menyemai sifat menabung adalah berjaya. Ini juga adalah hasil usaha dari beberapa cawangan yang ditempatkan di keempat-empat daerah di negara ini agar lebih mudah untuk para pelanggan membuat urusan perbankan mereka.

Selain itu, melalui kerjasama dan sokongan dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam perkhidmatan zakat simpanan bagi pemegang-pemegang simpanan TAIB juga telah memberi kesedaran dan kemudahan kepada para penyimpan untuk menunaikan kewajipan dalam pembayaran zakat simpanan. Perbadanan TAIB merupakan satu-satunya institusi kewangan Islam yang memberi perkhidmatan sedemikian.

Dari tahun ke setahun, Alhamdulillah jumlah kutipan zakat simpanan telah menunjukkan peningkatan, di mana jumlah tertinggi yang pernah tercatat adalah pada tahun berakhir 31 Disember 2015, iaitu sebanyak $4.27 juta atau peningkatan sebanyak 224% berbanding dari tahun 2001 apabila perkhidmatan zakat simpanan mula dikenalkan.

Ampun beribu ampun,

Di samping mengembangkan perkhidmatannya secara vertikal dalam sektor kewangan, Perbadanan TAIB juga turut berkembang dengan penubuhan-penubuhan dua (2) buah anak syarikat yang memberikan perkhidmatan yang berunsurkan syariah, iaitu Penubuhan Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Kedua-dua buah syarikat berkenaan menawarkan perkhidmatan kepada orang ramal secara alternatlf kepada perkhidmatan yang lazimnya ditawarkan, tetapi dengan penekanan kepada menepati keperluan umat Islam bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam malahan kepada orang dari luar negara. Kedua-dua buah syarikat berkenaan telah juga menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan.

Bagi Insurans Islam TAIB Holdings, perkhidmatan Takaful bagi kenderaan, rumah, pembantu rumah, kembara dan penabungan secara bersistematik bagi keluarga dan anak-anak adalah antara perkhidmatan yang ditawarkannya. Alhamdulillah bilangan pelanggan untuk insurans Islam TAIB AM Sendirian Berhad dan insurans Islam TAIB Keluarga Sendirian Berhad telah meningkat dari setahun ke setahun dengan kadar peningkatan secara purata lima (5) tahun kebelakangan.

**Ke muka 21**

Dari Sidang Pengarang.

**15 APRIL 2017 BERSAMAAN 1438 رجب 18**

## PENEMUAN MINYAK DAN GAS, KURNIA DARI ALLAH

**DENGAN** rahmat dan hidayah dari Allah Subhanahu Wata'ala, negara melalui Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd. (BSP) melakar satu lagi sejarah penting apabila berjaya meneroka dan menemui minyak dan gas di Telaga Layang-Layang di kawasan Lumut, Seria yang merupakan penemuan yang penuh signifikan pertama bagi BSP dalam tempoh 37 tahun.

Penemuan tersebut, tepat pada masanya di mana seluruh dunia sedang menghadapi cabaran ekonomi yang merudum, yang amat memerlukan usaha yang lebih gigih untuk menstabilkan ekonomi negara masing-masing. Lebih-lebih lagi kedudukan ekonomi negara kita yang mengalami defisit sejak beberapa tahun yang lalu juga telah mengajar kita untuk terus membuat perubahan, berubah dan berusaha gigih, mencari dan meneroka sumber-sumber pendapatan lain yang memerlukan kita lebih berhemah dalam berbelanja.

Menurut BSP penemuan Minyak dan Gas di Telaga Layang-Layang merupakan yang pertama seumpamanya kerana ia mengesahkan satu konsep geologi baharu yang dikenali sebagai 'Shale diapir trap' yang diterjemahkan dari data seismik dan 'Brunei field outcrop studies'. Apa yang membuatkan penemuan ini sangat luar biasa ialah aplikasi baharu, pemprosesan teknologi seismik yang terkini dari data lama yang sedia ada.

Teknologi baharu ini juga membolehkan pemikiran geologi yang berjaya dan penggerudian selamat di Telaga Layang-Layang. Dan apa yang lebih bermakna adalah telaga di Seria ini merupakan telaga minyak yang pertama dan tertua di Brunei yang ditemukan pada tahun 1920.

Sejarah telah mencatatkan bahawa minyak di Seria ditemui sekitar lewat tahun 1920-an. Dan ia merupakan detik penting di dalam perkembangan sosiekonomi Negara Brunei Darussalam dan secara tidak langsung turut membawa arus pemodenan kepada negara. Selepas itu, Brunei semakin makmur dengan penemuan hasil bumi yang tidak kurang pentingnya, iaitu gas. Walaupun ia kini berusia lebih daripada 80 tahun, penemuan baharu ini merupakan satu kurnia atau hadiah yang terus dinikmati. Seria merupakan tempat hasil pengeluaran industri minyak dan gas di Brunei dan akan terus menjana masa depan bumi bertuah ini, khususnya bagi generasi akan datang.

Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar dalam Siaran Akhbar Jabatan Tenaga dan Perindustrian, JPM menegaskan bahawa kerajaan akan terus berusaha mempelbagaikan ekonomi dalam sektor-sektor lain di mana sektor minyak dan gas akan kekal sebagai tunjang utama ekonomi di tahun-tahun mendatang dan kerajaan akan terus menggalakkan pengendali minyak dan gas di Brunei untuk mengeluarkan minyak dan gas yang berkesan serta berdaya tahan.

Penemuan minyak dan gas di Telaga Layang-Layang itu adalah satu berita yang amat baik dan mengembirakan bagi seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kerana, di samping menambah volume asas sumber negara, hasil penemuan itu juga menyediakan penentukuran yang baik bagi prospek kawasan sekeliling yang belum digerudi di mana tiga lagi sedang dirancang untuk digerudi pada 2017 dan 2018.

Penerokaan itu juga dijangka akan membawa kepada lebih banyak perkembangan minyak dan gas darat pada masa akan datang serta akan membuka lebih banyak peluang bagi Brunei dalam sektor hiliran. Dengan itu juga hasrat 'Wawasan Brunei 2035' untuk menempatkan negara dalam kalangan 10 negara-negara teratas di dunia serta ekonomi yang dinamik dan mampan dengan berlandaskan ajaran Islam insyaaAllah akan tercapai.

Penemuan minyak dan gas ini juga adalah sejajar dengan penerapan Syariat Islam yang terus diamalkan di negara ini, iaitu sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud : "Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkah dari langit dan bumi."(Surah Al-A'raf : 96).

Di sini memperlihatkan bahawa berkah dari langit tidak sebatas hujan dan dari bumi tidak sebatas tumbuhan. Di antara berkah dari bumi adalah kekayaan alam yang terkandung di dalamnya termasuk ladang-ladang minyak, gas dan mineral.

Pada kesimpulannya, bahawa penemuan minyak dan gas yang baharu ini adalah berkah dari pucuk kepimpinan dan amalan hidup kita melaksanakan ajaran agama Islam berpandukan kepada Al-Quran dan As-Sunnah mengikut kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah. Mudah-mudahan dengan kehidupan kita yang mengutamakan ajaran Islam, negara kita akan terus dilimpahkan kekayaan dengan hasil bumi yang subur. Amin!!! **- Ketua Penyunting (Zs).**




## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi APRIL | HARI | Hijrah REJAB | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 15 | SABTU | 18 | 4.45 | 4.55 | 6.14 | 6.36 | 12.21 | 3.30 | 6.27 | 7.37 |
| 16 | AHAD | 19 | 4.45 | 4.55 | 6.13 | 6.36 | 12.21 | 3.31 | 6.27 | 7.37 |
| 17 | ISNIN | 20 | 4.44 | 4.54 | 6.13 | 6.35 | 12.21 | 3.31 | 6.27 | 7.37 |
| 18 | SELASA | 21 | 4.44 | 4.54 | 6.13 | 6.35 | 12.21 | 3.31 | 6.27 | 7.37 |
| 19 | RABU | 22 | 4.43 | 4.53 | 6.12 | 6.35 | 12.21 | 3.32 | 6.27 | 7.37 |
| 20 | KHAMIS | 23 | 4.43 | 4.53 | 6.12 | 6.34 | 12.20 | 3.32 | 6.27 | 7.37 |
| 21 | JUMAAT | 24 | 4.42 | 4.52 | 6.11 | 6.34 | 12.20 | 3.32 | 6.27 | 7.37 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN**

| AMBULANS | POLIS | BOMBA | PENYELAMAT | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam | NDMC |
|---|---|---|---|---|---|
| 991 | 993 | 995 | 998 | 123 | 2380214 |

# Pantau suasana kelas Al-Quran dan Muqaddam



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (berdiri, dua dari kiri) semasa mengadakan lawatan ke Kelas Al-Quran dan Muqaddam, di Pusat Kemasyarakatan RPN Kampung Mentiri.

**Oleh : Rohani Haji Abd Hamid**
**Foto : Pg Amirulizam Pg Haji Mohd Ali**

**MENTIRI**, Jumaat, 14 April. - Jabatan Hal Ehwal Masjid sentiasa berusaha sedaya upaya agar kesemua pelajar dapat membaca Al-Quran dengan baik selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan rakyat di negara ini celik Al-Quran.

Sehubungan itu, rombongan yang diketuai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, mengadakan lawatan ke Kelas Al-Quran dan Muqaddam, di Pusat Kemasyarakatan RPN Kampung Mentiri.

Lawatan tersebut adalah untuk memantau dan memastikan kelas Al-Quran dan Muqaddam berjalan seperti biasa dan teratur agar suasana pembelajaran sentiasa tenang.

Kelas Al-Quran dan Muqaddam disertai oleh 249 murid dan seramai 17 orang guru ugama yang terlatih, termasuk pegawai-pegawai masjid menjadi tenaga pengajar.

Kelas tersebut adalah untuk membantu ibu bapa yang menginginkan anak-anak mereka pandai dan lancar membaca Al-Quran di samping sebagai tambahan untuk memudahkan mempelajari Al-Quran dan Muqaddam di sekolah-sekolah rendah ugama.

Menyertai lawatan tersebut ialah Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof, Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Roslan bin Haji Taja'ah dan Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

# Forum Apabila Wanita Berbicara dirasmikan

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

**GADONG**, Khamis, 13 April. - Hari Wanita Antarabangsa diraikan pada setiap 8 Mac dengan sambutan tahunan diadakan secara global di kebanyakan negara bertujuan bagi menghargai kemajuan serta pencapaian wanita dan seterusnya untuk meningkatkan kesedaran mengenai peri mustahaknya ekuiti gender dalam semua aspek kehidupan.

Tema sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun ini ialah Wanita dalam Dunia Kerjaya yang Sentiasa Berubah (Women in the Changing World of Work).

Majlis Perasmian Sambutan tersebut disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman pada majlis yang berlangsung di Goldstone Ballroom, Hotel Centrepoint, di sini.

Pada tahun ini, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) mengadakan Program Kesedaran Wanita ini bersempena Hari Wanita Antarabangsa 2017 dengan kerjasama Persatuan Siswazah Brunei dan Majlis Wanita Brunei.

Antara atur cara yang telah disediakan ialah dengan mengadakan satu sesi forum selari pada sebelah pagi, yang mana para penceramah dan fasilitator terdiri dari Badan Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (GO-NGO), yang mana sesi forum selari ini dihadiri oleh perwakilan wanita dari kementerian-kementerian, jabatan-jabatan yang berkepentingan, sektor swasta dan wakil-wakil persatuan-persatuan.

Antara lain isu-isu yang dibincangkan di dalam sesi selari berkenan ialah mengenai Cabaran Wanita yang bekerjaya, bekursus dan bekeluarga, Keselamatan dan Kesejahteraan Wanita di Tempat Kerja (Aspek Kaunseling), Cabaran Wanita yang bekerjaya dan bekeluarga dan Cabaran Wanita yang berniaga dan bekeluarga, yang mana hasil rumusan (Resolusi) sesi selari akan disampaikan pada petang ini.

Di samping itu, Ekspo sempena Hari Wanita Antarabangsa juga akan diadakan selama dua hari, iaitu pada hari ini dan 14 April 2017 bermula jam 10.00 pagi hingga 9.30 malam.

*Booth-booth* pusat kecantikan wanita dan petak jualan barangan perempuan, ibu, bakal ibu dan barangan anak-anak, vendor-vendor adalah daripada peniaga kecil-kecilan *online* Instagram juga pemilik kedai kecil-kecilan.

10 peratus hasil keuntungan akan didermakan ke Tabung Badan Kebajikan Kebangsaan.

Acara juga diteruskan pada Jumaat 14 April, antaranya ialah acara Daddy Day Care, yang mana suami akan membawa anak-anak ke satu bilik yang berasingan, yang mana terdapat aktiviti-aktiviti seperti Face Painting, The Daddy Diaper Dash, pertunjukan maskot dan sebagainya.

Antara lain tujuan ekspo dan aktiviti itu diadakan bagi memberikan penghargaan untuk wanita setelah penat lelah menjaga anak-anak dan bekerja di rumah / berniaga mahupun yang berkarier.

Hadir, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd. Tahir; Yang Di-Pertua Persatuan Siswazah, Pengiran Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaluddin dan Ketua-ketua Jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman semasa merasmikan Forum Apabila Wanita Berbicara yang berlangsung di Goldstone Ballroom, Hotel Centrepoint.

# 50 pelajar terima sijil Program 3P



PEMANGKU Pengarah, Lembaga Pemegang Amanah, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab (kiri) hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada pelajar yang terlibat.

**Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**KILANAS**, Jumaat, 14 April. - Seramai 50 pelajar Politeknik Brunei hadir menerima sijil pada Majlis Penyampaian Sijil Program 3P (Pelajar Politeknik Penyayang) Kali Ke-3 yang berlangsung di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Bengkurong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan sijil kepada pelajar yang terlibat ialah Pemangku Pengarah, Lembaga Pemegang Amanah, pusat berkenaan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab.

Program tersebut merupakan program kemasyarakatan yang dibangunkan bersama Pusat Pembangunan dan Perkembangan Pelajar dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, Persatuan bagi Pengurusan Autisme berkaitan Isu-isu dalam Latihan, Pendidikan dan Sumber (SMARTER) dan pusat tersebut.

Program 3P itu juga disokong oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), BIBD At-Tamwil Berhad dan Maybank Berhad.

Setakat ini, seramai 110 pelajar telah menyertai program seumpamanya, yang mana setiap pelajar akan datang seminggu sekali selama lapan minggu untuk membantu penjaga utama dan tenaga pengajar dengan aktiviti kelas harian serta program pembelajaran di pusat berkenaan.

Turut hadir, pegawai-pegawai kanan, ketua-ketua sekolah dan jabatan dari Politeknik Brunei, kakitangan dari Pusat Ehsan serta wakil-wakil dari BIBD, At-Tamwil Berhad dan Maybank Berhad.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

# Pencapaian peratus pelajar lulus STPUB meningkat



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (kiri) ketika menyampaikan hadiah dan sijil kepada para pelajar yang lulus dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama dan dalam Peperiksaan BC GCE 'A' Level.

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 13 April. - Seramai 153 pelajar Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) telah diraikan pada Majlis Penyampaian Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) dan BCGCE 'A' Level Kali Ke-23 Sesi 2015 / 2016 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para pelajar ialah Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Terdahulu, Pemangku Pengetua SMALHB, Hajah Azizah binti Haji Mohammad dalam ucapannya berkata bagi tahun 2016, pencapaian peratus pelajar lulus adalah meningkat dari tahun sebelumnya iaitu 96.84 peratus dari 93.51 peratus yang mana seramai 152 pelajar lulus dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama.

Menurut beliau, dari jumlah tersebut, 47 pelajar mendapat pangkat Mumtaz, 62 pelajar mendapat pangkat Jayyid Jiddan, 36 pelajar mendapat pangkat Jayyid dan lapan pelajar mendapat Maqbul.

Sementara itu tambahnya, 25 pelajar pula lulus dalam Peperiksaan BCGCE 'A' Level iaitu memegang satu sijil iaitu 'A' Level sahaja sementara seramai 20 pelajar dan lima pelajar lagi memegang dua sijil iaitu 'A' Level dan STPUB.

Menurut beliau majlis yang diadakan pada setiap tahun ini adalah sebagai pengiktirafan bagi pelajar-pelajar yang telah berjaya dalam akademik mereka di peringkat Pra Universiti selain sebagai penyuntik semangat ingin maju dan lebih berdaya saing.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil dan hadiah pelajar terbaik Peperiksaan STPUB, Peperiksaan BCGCE 'A' Level, Hadiah Pelajar Cemerlang dan Hadiah Anugerah Khas yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

# Orang awam lazim langgar Akta Hutan

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 13 April. - Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengadakan Taklimat Penggunaan Kayu bagi Pengusaha-pengusaha Pertanian dan Perikanan.

Majlis yang diadakan di Dewan Setia Pahlawan, kementerian berkenaan dihadiri oleh Pemangku Pengarah Perhutanan, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim.

Menerusi ucapan alu-aluan Pemangku Pengarah Perhutanan menjelaskan, taklimat itu merupakan salah satu aktiviti dalam program latihan, kesedaran dan perkongsian maklumat yang telah dirancang dan giat diungkayahkan oleh Jabatan Perhutanan.

Program sebegini terangnya, adalah satu usaha dan pendekatan jabatan berkenaan untuk mengongsikan maklumat dan penerangan khususnya berkaitan dengan sektor industri perhutanan kepada masyarakat umum tidak terkecuali kepada pengusaha-pengusaha sektor industri sumber-sumber utama di negara ini.

Pada majlis itu juga turut diadakan pembentangan kertas kerja yang antaranya taklimat mengenai Jabatan Perhutanan yang disampaikan oleh Pegawai Perhutanan di Unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Dayang Roslinah binti Haji Mohsin.

Juga turut disampaikan ialah taklimat mengenai Akta Hutan Penggal 46 Undang-undang Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Pegawai Perhutanan di Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Industri Hutan, Awang Reni bin Haji Yahya, yang menerangkan mengenai maklumat tentang peraturan-peraturan dan kawalan-kawalan yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Perhutanan yang berkaitan dengan pengambilan hasil hutan ketika ini seperti yang terkandung dalam Akta Hutan Penggal 46, Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

Antara yang disentuh ialah beberapa bahagian dalam Akta Hutan khususnya jenis-jenis kesalahan yang lazim dilakukan oleh orang awam berkaitan dengan kesalahan hutan, penalti atau tindakan undang-undang yang akan dikenakan bagi setiap kesalahan.

Seterusnya ialah taklimat mengenai jenis-jenis kayu dan kegunaannya yang disampaikan oleh Pegawai Perhutanan dari Unit Industri Hiliran Perhutanan, Dayang Hajah Nur Salihah Amalina binti Haji Su'ut, yang antara lain memfokuskan terhadap maklumat-maklumat berkaitan dengan penggunaan jenis-jenis kayu yang betul terhadap pelbagai kegunaan dalam aktiviti-aktiviti pertanian dan perikanan.



PEMANGKU Pengarah Perhutanan, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim (kiri) hadir pada Taklimat Penggunaan Kayu bagi Pengusaha-pengusaha Pertanian dan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di Dewan Setia Pahlawan, kementerian berkenaan.



ANTARA yang hadir pada taklimat tersebut.




ANTARA kayu dan risalah yang dipamerkan pada acara tersebut.

# AP ABDB dan MPAT berhasrat kongsi pengalaman



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 12 April. - Hubungan kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia dalam bidang pertahanan terus dipertingkatkan bagi kepentingan kedua-dua buah negara.

Justeru itu, Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB) dan Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) Malaysia berhasrat untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman.

Hasrat tersebut disampaikan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah semasa menerima kunjungan hormat daripada Komandan MPAT Malaysia, Laksamana Pertama Dato' Sabri bin Zali.

**PEMERINTAH ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah (kiri) semasa menerima kunjungan hormat daripada Komandan Maktab Pertahanan Angkatan Tentera Malaysia, Laksamana Pertama Dato' Sabri bin Zali.**

Pemerintah ABDB menyampaikan hasrat agar kedua-dua belah pihak dapat memberikan sokongan yang berterusan dan mengongsikan pengetahuan dan pengalaman khususnya di antara AP ABDB dan MPAT Malaysia.

Kedua-dua belah pihak mengakui hubungan akrab yang sudah lama terjalin di antara ABDB dan ATM melalui lawatan rasmi, mesyuarat, eksesais dan kursus.

Laksamana Pertama Dato' Sabri bin Zali, yang mengetuai delegasi seramai 56 pegawai terdiri daripada pegawai-peagwai dari Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam, pegawai-pegawai staf, pensyarah-pensyarah dan peserta-peserta Maktab Pertahanan Angkatan Tentera Malaysia, berada di Negara Brunei Darussalam untuk satu hari bagi lawatan kajian medan.

# Penemuan minyak dan gas di Telaga Layang-Layang

Dari muka 1

Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar dalam siaran akhbar menegaskan, kerajaan akan terus berusaha mempelbagaikan ekonomi dalam sektor-sektor lain, di mana sektor minyak dan gas akan kekal sebagai tunjang utama ekonomi di tahun-tahun mendatang dan kerajaan akan terus menggalakkan pengendali minyak dan gas di Brunei untuk mengeluarkan minyak dan gas yang berkesan serta berdaya tahan.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat juga sempat mengadakan pertemuan bersama kakitangan Jabatan Ekplorasi BSP serta pasukan penggerudi yang terlibat di Ibu Pejabat BSP bagi mengucapkan penghargaan di atas usaha-usaha cemerlang dan ketekunan mereka dalam bekerja secara berpasukan untuk merealisasikan Layang-Layang.

Pemikiran inovatif dan integrasi dalam pasukan meyakinkan pengurusan BSP bagi meluluskan pelaburan dalam penerokaan telaga ini dengan baik, di samping pengetahuan bahawa hasil yang berjaya akan membawa kepada beberapa penerokaan telaga susulan pada tahun-tahun akan datang.

Telaga itu digerudi dengan selamat pada suatu sudut di bawah bandar Lumut hingga kedalaman 4319 meter, iaitu lebih tinggi dari Gunung Kinabalu (4095 meter) dan telah digerudi oleh kontraktor BSP KCA Deutag di bawah kontrak penggerudian jangka panjang.

Dengan kerjasama pasukan penerokaan dan kontraktor, pelantar T203 telah direka dan dibina untuk dicari gali di pesisir dalam di Brunei.

Pelantar T203 telah beroperasi di Brunei untuk 567 hari tanpa sebarang catatan keselamatan atau insiden alam sekitar. 52 peratus daripada kakitangan yang terlibat dalam penggerudian Telaga Layang-Layang adalah warga tempatan dari syarikat-syarikat pelantar dan subkontraktor.

"Ini adalah satu pencapaian yang sangat menarik kerana ia adalah demonstrasi yang jelas tentang bagaimana teknologi baharu dan teknik canggih dalam tafsiran data membuka peluang-peluang baharu. Kami sedang merancang untuk menilai pesat potensi penerokaan susulan dengan pasukan geoscientists Brunei yang berkualiti tinggi serta berdedikasi," jelas Pengarah Urusan BSP, Dr. Ceri Powell.

Menurutnya, faktor kejayaan utama ialah kerjasama kukuh dan integrasi di di antara pakar-pakar geosains, operasi penggerudian dan jurutera petroleum, memanfaatkan kepelbagaian dari segi kepakaran, umur, jantina dan bangsa.

Ini merupakan berita baik untuk negara ini, di mana selain menambah jumlah pada asas sumber Brunei, keputusan itu juga akan menyediakan penentukuran yang sangat baik terhadap prospek yang belum digali di sekitar tiga lagi yang dirancang untuk digerudi pada tahun 2017 dan 2018.

Pada masa yang sama untuk kempen penerokaan Telaga Layang-Layang yang ditemui, Telaga Layang-Layang akan terus dinilai dan dimajukan dengan sasaran yang tinggi yang telah ditetapkan untuk pengeluaran pertama pada 2018 menerusi saluran paip ke BLNG dan SPARK (terletak kira-kira 10km dari Telaga Layang-Layang). Penerokaan seterusnya dijangka membawa pada perkembangan minyak dan gas dalam pesisir pada masa akan datang serta membuka lebih banyak peluang untuk Brunei dalam sektor hiliran.



**PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Ekplorasi BSP serta pasukan penggerudi yang terlibat dengan penemuan minyak dan gas di Telaga Layang-Layang, Lumut.**

# RTB buka penyertaan Peraduan Mencipta dan Menerbitkan Lagu-lagu Khas Simfoni Jubli Emas

Siaran Akhbar : Radio Televisyen Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 12 April. - Radio Televisyen Brunei (RTB) mengendalikan Peraduan Mencipta dan Menerbitkan Lagu-lagu Khas Simfoni Jubli Emas sempena 50 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki takhta.

Peraduan ini dibukakan kepada warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang berumur 18 tahun ke atas.

Setiap peserta hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja.

Lirik atau seni kata lagu tersebut hendaklah dalam bahasa Melayu yang mencerminkan kepimpinan dan kewibawaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Lagu-lagu ciptaan hendaklah mempunyai nilai komersial dengan mengetengahkan irama pelbagai genre seperti Pop Kontemporari, Pop Kreatif, Irama Nusantara dan sebagainya.

Peraduan ini bertujuan untuk menyuntik semangat kasihkan raja dan cintakan negara serta menggalak pertumbuhan dan perkembangan seni tanah air, memperkaya khazanah koleksi lagu-lagu tempatan, menjadi wadah dalam menyampaikan perutusan, di samping menyemarakkan dan menceriakan lagi suasana sambutan.

Peraduan ini juga dihasrat dapat menggabungkan penyertaan dalam kalangan para penerbit, pencipta, penulis lirik, pemuzik dan penyanyi tempatan.

Bagi yang berminat bolehlah mendapatkan borang penyertaan di Jabatan RTB termasuk cawangan-cawangan daerah dan boleh dimuat turun dari laman sesawang *www.rtb.gov.bn* dan dialamatkan ke Jawatankuasa Peraduan Mencipta dan Menerbitkan Lagu-Lagu sempena 50 Tahun KDYMM di atas Takhta, Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan, BS8610, Brunei Darussalam.

Tarikh tutup penyertaan pada Isnin, 8 Mei 2017, jam 4.00 petang.

# Peniaga jangan ambil kesempatan ke atas pengguna

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi




PEGAWAI dan kakitangan JPKE Bahagian Hal Ehwal Pengguna semasa menjalankan pemeriksaan mengejut di salah sebuah premis perniagaan di kawasan Kiulap.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Kewangan) di Jabatan Perdana Menteri, Dayang Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin (kanan) mengetuai lawatan mengejut Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) ke beberapa premis perniagaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 12 April. - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri melalui Bahagian Hal Ehwal Pengguna (BHEP) telah menjalankan pemeriksaan mengejut (*spot check*) di beberapa premis perniagaan di kawasan Kiulap pada Rabu, 12 April 2017.

Lawatan diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Kewangan) di Jabatan Perdana Menteri, Dayang Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin.

Turut hadir ialah Pemangku Timbalan Ketua Pengarah JPKE, Awang Haji Asrul Adrain bin POKSPDSS Dr. Haji Ahmad; Pemangku Penolong Pengarah BHEP JPKE, Dayang Siti Maisarah binti Haji Majid dan seramai 17 orang pegawai dan kakitangan BHEP.

Objektif lawatan ialah bagi memastikan barangan yang dikawal harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 khususnya minyak masak dan susu tepung berformula tidak melebihi harga maksimum yang ditetapkan oleh JPKE.

Manakala, gula dan beras tidak dijual melebihi harga subsidi yang ditetapkan.

Lawatan ini secara keseluruhan dihasratkan untuk memastikan para peniaga di negara ini mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142.

Peniaga yang tidak mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 akan dikenakan tindakan yang bersesuaian seperti dikeluarkan Notis Amaran; dikenakan kompaun tidak melebihi BND1,000; dikenakan denda sebanyak BND5,000 dan penjara dua (2) tahun; dikenakan denda sebanyak BND20,000 dan penjara lima (5) tahun bagi kesalahan berulang.

Pihak JPKE turut memantau harga barangan yang terkandung di dalam perubahan kadar-kadar duti import kastam dan duti eksais, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan.

Dalam perkara yang sama, lawatan mengejut juga diteruskan ke premis-premis menjual perkakas dan peralatan elektrik untuk kegunaan rumah bagi memantau harga barangan berkenaan.

Dalam kesempatan ini, pihak JPKE mengingatkan para peniaga untuk tidak mengambil kesempatan ke atas pengguna dengan menaikkan harga sewenang-wenangnya dan menyarankan untuk meletakkan harga yang berpatutan selaras dengan perubahan pembaharuan cukai, melalui persaingan yang adil dan sihat.

Pihak JPKE juga menasihatkan orang ramai untuk mengamalkan konsep 'Pengguna Bijak', iaitu dengan membuat perbandingan harga terlebih dahulu sebelum membuat sebarang pembelian bagi mendapatkan harga yang berbaloi dan memuaskan.

Sebarang pertanyaan atau aduan, orang ramai dinasihatkan untuk berhubung terus dengan JPKE melalui aplikasi mudah alih *Pengguna Bijak/SmartConsumer* atau di talian telefon +673 2230223 (waktu pejabat); E-mel ke *aduanpengguna@jpke.gov.bn* atau *consumer complaint@jpke.gov.bn*; Facebook *www.facebook.com/AduanPengguna-JPKE* atau terus ke pejabat Bahagian Hal Ehwal Pengguna, Bilik 3.06, Tingkat 3, West Wing, JPKE, Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, BA1131, Negara Brunei Darussalam.

Bagi melancarkan proses penyiasatan, aduan dibuat hendaklah dengan memberikan dokumen dan maklumat sokongan seperti resit pembelian dan nama syarikat yang diadukan.

# BIBD kongsi pendapat mengenai peluang Fintech



Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darusalam

**KUALA LUMPUR**, Rabu, 12 April. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) baru-baru ini mewakili Negara Brunei Darussalam di Mesyuarat Tahunan Perhimpunan Agung Ke-15 Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) 2017 yang dihoskan oleh Bank Negara Malaysia.

Mesyuarat tahunan tersebut juga diisikan dengan satu seminar mengenai 'Kewangan Islam dan Peraturan Global : Sasaran Pergerakan dan Horizon Baru' ('Islamic Finance and Global Regulation: Moving Targets and New Horizons') di mana Ketua Hubungan Kerajaan dan Projek Khas BIBD, Awang Haji Minorhadi bin Haji Mirhassan telah membuat pembentangan mengenai peningkatan 'Fintech' dan faedah-faedahnya pada kewangan Islam.

Dalam pembentangannya, beliau turut melahirkan rasa penghargaan kerana BIBD telah diundang untuk mengambil bahagian dalam acara berprestij ini bersama-sama pengatur-pengatur global, pemain atau pengendali pasaran *(market players)*, ahli-ahli akademik, agensi-agensi penarafan dan pihak-pihak industri yang berkepentingan.

"Kami juga bersyukur kerana dapat mengambil bahagian dalam perbincangan ini, yang akan membolehkan kami memperkaya para pelanggan BIBD dalam satu kedudukan untuk lebih memahami dan mengambil kesempatan daripada peluang-peluang akan datang, terutamanya dalam ruang Fintech," ujarnya.

KETUA Hubungan Kerajaan dan Projek Khas BIBD, Awang Haji Minorhadi bin Haji Mirhassan semasa menyampaikan pembentangan beliau pada Mesyuarat Tahunan Perhimpunan Agung Ke-15 LembagaPerkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) 2017.

# 24 peserta mara ke Peringkat Akhir Musabaqah

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Masri Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 13 April. - Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah yang berlangsung selama tiga hari berturut-turut berakhir hari ini setelah mendengarkan 59 orang peserta mempersembahkan bacaan masing-masing.

Daripada jumlah tersebut, hanya 24 peserta telah berjaya mara ke Peringkat Akhir Kebangsaan Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya bagi Tahun 1438H / 2017M mengikut kategori-kategori yang dipertandingkan.

Keputusan telah diumumkan oleh Pengerusi Jemaah Hakim Musabaqah berkenaan, Awang Mohd. Sujairi bin Haji Dollah pada majlis yang berlangsung di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil dan cenderamata ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid.

Terdahulu Pemangku Pengarah Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Musabaqah ketika berucap pada majlis tersebut menjelaskan bahawa pertandingan bertujuan untuk menyemai dan memupuk rasa cintakan Al-Quran dalam kalangan Muslimin terutama para belia, remaja dan juga kanak-kanak melalui amalan menghafaz Al-Quran dan memahami isi kandungannya.

Melalui pertandingan ini tambahnya, kita di Negara Brunei Darussalam telah berjaya melahirkan para huffaz yang berpotensi seterusnya mampu bersaing di persada antarabangsa.

Pertandingan Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya Bagi Peringkat Akhir Kebangsaan dijadualkan akan berlangsung pada 9 dan 10 Mei 2017 nanti.

Menurut Awang Mohd Sujairi mutu bacaan dan hafazan peserta adalah di tahap yang sangat baik dan meningkat berbanding musabaqah peringkat pemilihan awal.

Walau bagaimanapun ujarnya, jemaah hakim menyarankan dan menasihatkan para peserta untuk terus mempelajari dan menghalusi bacaan dan hafzan Al-Quran yang bertajwid agar sentiasa di tahap yang konsisten serta cemerlang.

Pada tahun ini, seramai 229 orang telah mendaftar untuk menyertai musabaqah dan dari jumlah tersebut seramai 59 orang bertanding dalam Peringkat Separuh Akhir.



DARIPADA 59 peserta hanya 24 peserta telah berjaya mara ke Peringkat Akhir Kebangsaan Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya bagi Tahun 1438H / 2017M mengikut kategori-kategori yang dipertandingkan.



TIMBALAN Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid (kanan) ketika menyampaikan sijil pada majlis tersebut.

# Peserta Kategori 'D' perdengarkan hafazan Al-Quran

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**



SALAH seorang peserta yang mengikuti Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah Kategori 'D'.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 12 April. - Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah diteruskan lagi hari kedua bagi Kategori 'D'.

Seramai 13 peserta, iaitu lima lelaki dan lapan perempuan menyertai dalam kategori itu yang mempertandingkan bagi menghafaz 15 Juz Al-Quran daripada Juz 1 hingga Juz 15 berserta pemahaman Juz 11.

Kategori ini dibukakan kepada peserta dari semua peringkat umur.

Sementara itu, pengumuman keputusan dan penyampaian sijil bagi Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1438 Hijrah akan diumumkan pada hari Khamis, 13 April 2017.

Musabaqah ini telah berlangsung selama tiga hari berturut-turut bermula dari 11-13 April 2017 bertempat di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

# Musabaqah Menghafaz Al-Quran bagi Kategori 'E'

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali**





ANTARA peserta yang mengikuti Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah Kategori 'E'.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 13 April. - Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah diteruskan lagi di Dewan Kuliah, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini, dengan mempertandingkan Kategori 'E'.

Seramai 12 peserta bertanding dalam kategori tersebut terdiri daripada sembilan peserta lelaki dan tiga peserta perempuan.

Dalam kategori yang dibukakan kepada semua peringkat umur tersebut, para peserta menghafaz 30 Juz Al-Quran dari Juz 1 hingga Juz 30 berserta pemahaman Juz 22.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran yang telah bermula pada 11 April itu merupakan salah satu projek tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Ia bertujuan bagi menyemarakkan hari-hari kebesaran Islam dan antara pengisian pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara yang diadakan setiap tahun.

# Peserta Kategori 'C' perdengarkan bacaan Al-Quran







ANTARA peserta yang mengikuti Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah Kategori 'C'.

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 12 April. - Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah diteruskan lagi bagi Kategori 'C'.

Seramai 12 peserta terdiri daripada sembilan lelaki dan tiga perempuan telah memperdengarkan bacaan masing-masing.

Kategori ini terbuka kepada peserta dari semua peringkat umur yang mana para peserta menghafaz tiga Juz Al-Quran dari Juz 1 hingga Juz 3 berserta pemahaman Juz 1.

Pertandingan antara lain bertujuan untuk menggalakkan umat Islam di negara ini mencintai Al-Quran melalui hafazan terutama sekali golongan kanak-kanak, murid dan remaja.

Di samping itu, musabaqah juga membolehkan mereka membaca dan memahami Al-Quran dengan sempurna tanpa melihat kitab suci Al-Quran serta menjadikan budaya membaca Al-Quran sebagai satu kebiasaan dan amalan harian, sekali gus menambahkan lagi golongan penghafaz Al-Quran di negara ini.

Pengumuman keputusan dan penyampaian sijil bagi pertandingan tersebut akan berlangsung pada Khamis, 13 April 2017.

# Program Sua Muka tingkatkan hubungan dua hala

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**KUALA BELAIT**, Khamis, 13 April. - Dalam usaha untuk terus mendekati penduduk kampung di negara ini, Jabatan Penerangan, melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait dan Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi Program Bersua Muka yang diadakan di kediaman Ketua Kampung Pandan 'C', Mukim Kuala Belait, Awang Haji Affandy bin Awang Damit.

Rombongan Jabatan Penerangan dialu-alukan oleh Ketua Kampung Pandan 'C', manakala rombongan Jabatan Penerangan diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Pihak Majlis Perundingan Mukim dan Kampung antara lain mengongsikan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan dan kesejahteraan mukim dan kampung, sementara pihak jabatan mengongsikan maklumat-maklumat penting dengan lebih terperinci seperti Wawasan Brunei 2035, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013, keusahawanan serta Program Masyarakat Bermaklumat, yang mana program tersebut adalah landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan lawatan-lawatan mengikut kesesuaian.

Program Sua Muka adalah salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan, iaitu Komunikasi Bersemuka, yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara pihak kerajaan dan rakyat.



SESI bergambar ramai Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung bersama pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan.



SALAH seorang kakitangan Jabatan Penerangan memperkenalkan dan membarigakan versi digital Pelita Brunei, iaitu e-Paper dan Pelita Brunei *online* termasuk tatacara untuk memuat turun e-Paper.

## Penetapan jawatan

Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Awam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 13 April. - Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Pemangku Pengarah Perancangan dan Pengurusan Estet, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Omarali bin Haji Mohd. Jaafar dinaikkan pangkat dan ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya sebagai Pengarah Perancangan dan Pengurusan Estet di Kementerian Pendidikan mulai 22 Mac 2017.

# Adab berhias menurut Islam

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi



SEBAHAGIAN daripada Muslimah dan peserta forum yang hadir mendengarkan Forum "Muslimah dan Tabarruj : Beauty in Modesty" anjuran Kumpulan Syababul Iman, Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong.




DA'IE Tetap Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Siti Noraziah binti Haji Asli (kiri); Pengerusi forum, Dayang Siti HurulAin Diyana binti Haji Abdul Majid @ Vieanna (tengah) dan Da'ie Bertauliah Majis Ugama Islam Brunei (MUIB), Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman.

**KAMPUNG SENGKURONG**, Jumaat, 14 April. - Sebagai sebuah kumpulan yang ditubuhkan bagi melahirkan generasi belia rabbani yang beramalkan Al-Quran dan Sunnah yang dihasratkan bagi memberi manfaat pada agama dan bangsa dengan aktiviti-aktiviti mengimarahkan masjid, Kumpulan Syababul Iman, Masjid Sultan Sharif Ali telah menganjurkan sebuah forum bicara An-Nisa yang diadakan di Masjid Sultan Sharif Ali, di sini.

Forum tersebut merupakan kali keempat ia diadakan dan membawa tajuk "Muslimah & Tabarruj : Beauty in Modesty" yang menampilkan dua ahli panel tempatan, iaitu Da'ie Tetap Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Siti Noraziah binti Haji Asli dan Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman dan dipengerusikan oleh Dayang Siti HurulAin Diyana binti Haji Abdul Majid @ Vieanna.

Antara perkara yang dibincangkan dalam forum berkenaan ialah pengertian tabarruj dalam Islam serta adab-adab berhias secara syarie bagi seorang wanita Muslimah.

Di samping itu, forum juga mengupas isu-isu berhias yang membawa pada tabarruj sepertimana maksud ayat 33 dari Surah Al-Ahzab yang bermaksud *''Dan janganlah kamu berhias dan bertingkah laku seperti orang-orang Jahiliah yang dahulu dan dirikanlah solat, tunaikan zakat dan taatilah Allah dan Rasul-Nya''.*

Forum anjuran Kumpulan Syababul Iman, Masjid Sultan Sharif Ali telah dihadiri oleh lebih daripada 80 Muslimah dan masyarakat setempat.

# Kesedaran ke atas penjimatan tenaga




MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Agama kita, iaitu agama Islam ialah agama yang lengkap dan sempurna ajarannya, mengatur kehidupan kita dalam mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Islam juga menggalakkan kita untuk melakukan amalan-amalan yang mulia seperti amalan bersedekah, bantu-membantu, hormat-menghormati dan seumpamanya. Begitu juga dengan amalan berjimat cermat, Islam sangat menggalakkan amalan tersebut dalam kehidupan seharian seperti dalam berbelanja, makan minum, berpakaian, penggunaan air, pemakaian tenaga elektrik dan sebagainya.

Alhamdulillah, kita amat beruntung kerana dapat menikmati berbagai-bagai kemudahan yang disediakan di negara ini seperti air, jalan raya, tenaga elektrik dan sebagainya. Kita hendaklah bersyukur dan menggunakan kemudahan tersebut dengan sebaik-baiknya, itulah makna bersyukur di atas nikmat untuk menjadikan nikmat itu diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Sebaliknya jika kita cuai menggunakan nikmat tersebut, maka Allah Subhanahu Wata'ala akan mendatangkan azab. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7 :

**Tafsirnya** : *''Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu dengan sejelas-jelasnya : Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur terhadap segala nikmat-Ku tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur terhadap nikmat itu maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras."*

Dalam penggunaan tenaga elektrik, kita hendaklah memastikan penggunaannya dengan cekap dan bijak agar kita sentiasa dapat menikmati kemudahan ini dengan berterus. Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga pada tahun 2011 telah menunjukkan bahawa bangunan-bangunan milik kerajaan termasuk sekolah rendah, sekolah menengah, universiti dan masjid-masjid menyumbangkan kepada 22% daripada keseluruhan tenaga yang digunakan di Negara Brunei Darussalam. Hasil dari audit tenaga yang dijalankan ke atas beberapa buah bangunan kerajaan, beberapa punca utama yang menyumbangkan kepada penggunaan tenaga yang berlebihan yang dapat dikenal pasti antaranya ialah :

**Pertama :** Kurangnya kesedaran pengguna dan sikap "malas ku ingau" dalam penggunaan tenaga elektrik.

**Kedua :** Pengunaan tenaga elektrik yang tidak sewajarnya atau berlebihan.

**Ketiga :** Penggunaan tenaga elektrik dengan tidak betul dan sistem pendawaian elektrik yang sudah lama dan tidak efisien.

Ini adalah antara punca-punca utama pembaziran tenaga elektrik di bangunan-bangunan kerajaan. Sebagai pengguna kita perlulah mengambil perhatian yang serius dan memberikan kerjasama dalam penggunaan tenaga elektrik bagi mengelakkan pembaziran. Penggunaan yang berlebihan dan menggunakan sesuatu melebihi batas keperluan seharian adalah perbuatan yang membazir. Sebagai orang Islam kita hendaklah menghindari perbuatan ini sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala daalam Surah Al A'Raaf, ayat 31 :

**Tafsirnya :** *"Dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak* menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan."

Dalam hal ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ada bertitah sempena Hari Keputeraan baginda yang Ke-63 Tahun antara petikan titah baginda :

.... Masanya juga sudah tiba untuk agensi-agensi kerajaan menggubal dasar dan mengemukakan langkah-langkah bagi mencapai matlamat penggunaan tenaga secara efisien dan mengelakkan pembaziran. Misalnya, pada setiap tahun agensi-agensi kerajaan menggunakan kuasa elektrik sehingga 68 juta ringgit setahun. Kalau pembaziran 10% dapat dielakkan, bererti kita boleh menjimatkan sehingga 6.8 juta ringgit setahun.

Bagi mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, agensi-agensi kerajaan, swasta, persendirian, rakyat dan penduduk di negara ini hendaklah berjimat cermat dalam penggunaan tenaga elektrik. Marilah kita bersama-sama menjimatkan penggunaan tenaga elektrik dengan beberapa cara seperti berikut :

- Memadamkan lampu setelah digunakan atau tidak diperlukan lagi.
- Mematikan semua suis peralatan elektrik jika tidak digunakan. Sebaik-baiknya jangan diberikan dalam *standby mode.*
- Sebaik-baiknya kurangkanlah penggunaan penghawa dingin (*aircond*) dan gunakanlah ketika perlu sahaja.
- Mendidik anak-anak dan ahli keluarga agar sentiasa mengamalkan sifat berjimat cermat dalam penggunaan tenaga elektrik.

Kesedaran penggunaan dalam penjimatan tenaga elektrik bukan setakat dalam rumah sahaja malah juga di tempat kerja seperti bangunan-bangunan kerajaan apatah lagi di masjid-masjid. Bagi masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat di seluruh negara, orang ramai dan para jemaah memainkan peranan dan tanggungjawab yang sangat penting ke arah penggunaan dan penjimatan tenaga elektrik sama ada dalam bangunan masjid mahupun di luar bangunan masjid.

Oleh kerana berjimat itu amalan terpuji dan boros pula adalah amalan terkeji, maka marilah kita sama-sama menyahut hasrat kerajaan agar kita sama-sama menghargai dan berjimat cermat dalam penggunaan tenaga elektrik dan menjadikan ia sebagai salah satu cara hidup seharian sesuai dengan ajaran agama kita, sama-samalah kita menyemai, mendidik dan membudayakan diri kita agar sentiasa bijak dan cekap dalam penggunaan dan penjimatan tenaga elektrik dan mengelakkan diri dari melakukan pembaziran. Oleh itu, amalkanlah sifat bersederhana dalam kehidupan, mudah-mudahan dengan demikian kita akan sentiasa menjadi hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang beriman dan bertakwa dan sentiasa bersyukur atas nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Surah Al Israa', ayat 27 :

**Tafsirnya** : *"Sesungguhnya orang-orang yang membazir membelanjakannya harta pada jalan yang menyalahi syarak itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhannya."*

***OLEH kerana berjimat itu amalan terpuji dan boros pula adalah amalan terkeji, maka marilah kita sama-sama menyahut hasrat kerajaan agar kita sama-sama menghargai dan berjimat cermat dalam penggunaan tenaga elektrik dan menjadikan ia sebagai salah satu cara hidup seharian sesuai dengan ajaran agama kita, sama-samalah kita menyemai, mendidik dan membudayakan diri kita agar sentiasa bijak dan cekap dalam penggunaan dan penjimatan tenaga elektrik dan mengelakkan diri dari melakukan pembaziran.***

# Suntik semangat melalui kongsi sama bersama pelajar A*

**Oleh : Ihsan Dayang Siti Norkalbi Haji Md. Seruddin**
**Foto : Ihsan Rusydi Besar**

**MERAGANG**, Khamis, 13 April. - Pusat Tingkatan Enam Meragang (PTEM) mengadakan Majlis Kongsi Sama di antara para pelajar yang mendapat A* dalam mata pelajaran Bahasa Melayu GCE 'A' Level Tahun 2016 bersama para pelajar enam atas yang berlangsung di Dewan Kuliah, PTEM, di sini.

Majlis tersebut dianjurkan oleh PTEM Aktiviti 'SBC' Bahasa Melayu Peringkat 'A'.

Ia antara lain bertujuan untuk menyuntik semangat belajar Bahasa Melayu dalam kalangan para pelajar, iaitu untuk mendapat tahap pembelajaran yang lebih efektif, berkesan dan cemerlang.

Seramai lima pelajar cemerlang A* dalam mata pelajaran Bahasa Melayu GCE 'A' Level Tahun 2016 diundang untuk berkongsi pengalaman mereka dalam menghadapi peperiksaan, iaitu Awang Muhammad Hilmi Nasrullah bin Abdullah Gillin, Dayang Ani' Afifah binti Musa dan Dayang Amanina binti Ramlli dari Pusat Tingkatan Enam Tutong (PTET); Dayang Nur Amalia Aimi Na'iemah binti Haji Ramlee dari Pusat Tingkatan Enam Sengkurong (PTES) dan Awang Haji Muhd. Firdaus bin Haji Haji dari PTEM.

Turut diundang, pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar Bahasa Melayu dari PTEM, PTES, PTET, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan Sekolah Menengah Sayyidina Ali.

Dalam sesi kongsi sama tersebut, antara tip yang dikongsikan oleh Dayang Nur Amalia Aimi Na'iemah adalah para pelajar perlu menghormati ibu bapa, guru, rakan juga memperbanyakkan berdoa kepada Tuhan untuk meraih kejayaan.

Tambah beliau lagi, bagi mempersiapkan diri menghadapi peperiksaan 'A' Level yang mencabar itu, para pelajar perlu berusaha dengan gigih untuk mengulang kaji pelajaran dan mencari info yang relevan dengan pelajaran seperti membaca surat khabar, majalah, mendengar radio serta memanfaatkan media sosial untuk menambahkan lagi pengetahuan.



SESI bergambar ramai bersama lima pelajar cemerlang A* dalam mata pelajaran Bahasa Melayu GCE 'A' Level Tahun 2016.

٥٠ تاهون ککل قرار ممرينته داتس تختا

**50 TAHUN KEKAL KARAR MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA**

# APB kaji aspek kehidupan Brunei

**Oleh :**
**Mahirah**
**Haji Mohd. Raduan**
**Penempatan Mahasiswi UBD**
**di Meja Kandungan Khas,**
**Pelita Brunei**

**PENDAHULUAN**

AKADEMI Pengajian Brunei (APB) merupakan salah sebuah fakulti Universiti Brunei Darussalam yang menawarkan pengajaran multi-disiplin Program Sarjana Muda yang menawarkan kursus berasaskan penyelidikan dalam pelbagai bidang seperti Sejarah, Budaya, Politik, Ekonomi dan Hubungan Antarabangsa yang memfokuskan pada kehidupan di Negara Brunei Darussalam.




Buku Suara Wanita Brunei.

Sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada ketika sempena Sambutan Hari Keputeraan baginda yang Ke-44 Tahun, di Daerah Tutong pada 23 Zulhijjah 1410 bersamaan 17 Julai 1990, di mana baginda bertitah,

"Beta telah juga memperkenankan penubuhan Akademi Pengajian Brunei Universiti Brunei Darussalam. Akademi ini akan menjalankan pengajian dan penyelidikan yang berkaitan dengan semua aspek kehidupan Negara Brunei Darussalam. Usaha mencapai objektif-objektifnya adalah diharapkan jabatan-jabatan seperti Pusat Sejarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Dakwah Islamiah, Adat Istiadat Negara dan lain-lain agensi akan dapat berkerjasama dengan Universiti Brunei Darussalam dalam bidang bermanfaat ini. Dengan cara ini, beta yakin pengajian dan penyelidikan tentang kehidupan Negara Brunei Darussalam yang pengajian dan pengkajian yang begitu luas dan mendalam akan dapat digerakkan dengan menggunakan sumber-sumber yang begitu lumayan terutama sekali dari segi sumber-sumber tradisi dan sejarah yang sedia diketahui oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang arif. Beta sesungguhnya percaya Akademi ini Insya-Allah akan dapat menyempurnakan tugas-tugasnya dengan baik memandang kepada terdapatnya beberapa pakar dalam pelbagai bidang Universiti Brunei Darussalam yang boleh berganding bahu dengan cerdik pandai tempatan dalam bidang yang berkenaan ini."



BERGAMBAR ramai bersama Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar ketika mengadakan Kajian Sejarah, Sosiobudaya dan Sosioekonomi Kampong Ayer Mahasiswa / Mahasiswi dengan kerjasama Pusat Sejarah Brunei.

**PENUBUHAN AKADEMI PENGAJIAN BRUNEI**

Pada awal penubuhannya, Akademi Pengajian Brunei selaku Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja memfokuskan bidang tugasnya pada penyebaran Melayu Islam Beraja melalui pelbagai pendekatan seperti seminar dan bengkel yang dijalankan di seluruh negara. Ketika itu APB juga menawarkan kursus-kursus minor. Adapun, visi APB, iaitu 'Sebuah pusat akademik kecemerlangan yang mengetuai dunia dalam penciptaan dan penyebaran pengetahuan yang berkaitan dengan semua aspek kehidupan di Negara Brunei Darussalam'. Sementara misi APB ialah 'Untuk mencapai reputasi global sebagai pusat akademik kecemerlangan dalam Pengajian Brunei'.

**PERKEMBANGAN**

Sejak tahun 1991, APB menawarkan kursus Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai kursus wajib di Universiti Brunei Darussalam. Para mahasiswa dan mahasiswi diperlukan untuk lulus sebelum mereka boleh dikurniakan sijil atau ijazah.

APB mula menawarkan program Sarjana Muda major dalam Pengajian Brunei pada tahun 1997. Kursus-kursus yang ditawarkan memfokuskan pengkajian tentang Negara Brunei Darussalam seperti Kesultanan Brunei, Masyarakat dan Budaya, Adat Istiadat, Persanakan, Industri Tradisi, Institusi-Institusi Islam, Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Pentadbiran Undang-Undang Islam, Warisan Budaya Kampong Ayer, Budaya Material dan Etnisiti untuk menanai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar APB dapat melaksanakan pengajian dan penyelidikan tentang kehidupan Negara Brunei Darussalam secara holistik serta meluas dan mendalam.



BANGUNAN Akademi Pengajian Brunei

Ke muka 11

# ٥٠ تاهون ککل قرار ممرينته داتس تختا

# 50 TAHUN KEKAL KARAR MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA



**TEMU BUAL Kajian Sejarah, Sosiobudaya dan Sosioekonomi Kampong Ayer Mahasiswa / Mahasiswi dengan kerjasama Pusat Sejarah Brunei (atas), sementara gambar bawah, para mahasiswa / mahasiswi bergambar ramai bersama sijil masing-masing.**

Dari muka 10

Pada tahun 2009, selaras dengan program GenNext yang diperkenalkan, beberapa modul baharu telah diwujudkan untuk memberikan pendedahan yang lebih luas tentang pengajian Brunei seperti Dasar Luar Brunei, Isu-Isu Pembangunan, Organisasi Bukan Kerajaan dan Politik Brunei. Akademi Pengajian Brunei juga telah mengambil alih modul Pengenalan pada Brunei Darussalam yang ditawarkan kepada pelajar antarabangsa. Modul ini menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Pengintegrasian tiga prinsip asas GenNext, iaitu keusahawanan, kepimpinan dan inovasi serta kepekaan dengan persekitaran juga dititik beratkan dalam pembentukan kurikulum modul-modul yang ditawarkan. APB juga menawarkan program pasca ijazah secara penyelidikan dan ini adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika memperkenankan Penubuhan Akademi Pengajian Brunei, antara lain "untuk menjalankan pengajian dan penyelidikan yang berkaitan dengan kehidupan Negara Brunei Darussalam".

Para ahli akademik di Akademi Pengajian Brunei juga telah menerbitkan hasil kajian dan penulisan sama ada dalam bentuk buku, artikel dalam jurnal sama ada yang berbentuk lokal, serantau dan antarabangsa. Di samping itu, Akademi Pengajian Brunei dengan kerjasama Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja turut menerbitkan buku-buku yang dijadikan rujukan terutama tentang konsep Melayu Islam Beraja. Oleh yang demikian, APB juga menerbitkan beberapa buah buku, jurnal dan kumpulan kertas kerja yang berkaitan dengan hal ehwal kebruneian untuk kegunaan para pelajar APB, bukan sahaja menjadi bahan rujukan, malah hasil penulisan daripada tenaga akademik APB ini juga menjadi bacaan umum. Antara yang pernah dihasilkan dari terbitan APB ialah Kesultanan Melayu Brunei, Kampong Ayer: Warisan Hidup, Cabaran dan Kesinambungan serta jurnal Janang.

### PENCAPAIAN

Buku terbitan terbaharu APB yang bertajuk "Suara Wanita Brunei" adalah hasil tulisan Allahyarhamah Datin Dr. Hajah Saadiah binti Datu Derma Wijaya Haji Tamit, Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Brunei. Buku tersebut diterbitkan dalam empat jilid, iaitu merupakan koleksi 44 buah artikel yang dipilih dan pernah dibentangkan oleh Allahyarhamah Datin Dr. Hajah Saadiah di dalam dan luar negara. Artikel-artikel yang dipilih membincangkan hal ehwal kemasyarakatan termasuk yang berkaitan dengan Konsep negara MIB, undang-undang keluarga Islam, hak wanita, pendidikan dan budaya. Penerbitan buku ini dapat dimanfaatkan sebagai rujukan bagi yang berminat dalam bidang akademik khususnya dan menjadi bahan bacaan menambah ilmu pengetahuan bagi orang awam. Jesteru, buku ini juga diharap mampu membantu dan menjadi bahan rujukan berguna kepada para pensyarah, penyelidik juga mahasiswa dan mahasiswi memandangkan inti pati buku tersebut padat dengan konteks kebruneian.

Selain itu, terdapat juga buku yang diterbitkan dari salah sebuah penerbitan antarabangsa, Routledge yang bertajuk 'Brunei - Sejarah, Islam, Masyarakat dan Isu Kontemporari' yang memuatkan empat bahagian hasil penerbitan terbaharu para tenaga akademik APB, tetapi lebih berbentuk hasil kerja ahli-ahli akademik APB yang diterbitkan oleh penerbit antarabangsa yang berkaliber.

Setelah 26 tahun ditubuhkan, APB telah berjaya menghasilkan 442 orang graduan peringkat sarjana muda, 22 orang graduan peringkat sarjana dan 3 orang graduan peringkat Falsafah Kedoktoran. Walau bagaimanapun ada di antaranya telah pun mendapat pekerjaan di dalam sektor awam dan swasta dalam pelbagai bidang seperti pentadbiran, pendidikan, ketenteraan, permuziuman dan perkhidmatan. Tambahan lagi, terdapat juga di antara mereka yang melibatkan diri sebagai usahawan dalam perusahaan kecil dan sederhana.

Dari pencapaian tersebut, ini jelas membuktikan bahawa APB telah berjaya mencapai hasrat dan menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengkaji dan menyelidik tentang kehidupan di Negara Brunei Darussalam. Semoga dengan pencapaian ini dapat membantu mendukung dan mencapai objektif wawasan 2035, iaitu dengan melahirkan masyarakat yang berpendidikan, berkemahiran, berdaya saing dan berjaya.



***SETELAH 26 tahun ditubuhkan, APB telah berjaya menghasilkan 442 orang graduan peringkat sarjana muda, 22 orang graduan peringkat sarjana dan 3 orang graduan peringkat Falsafah Kedoktoran. Walau bagaimanapun ada di antaranya telah pun mendapat pekerjaan di dalam sektor awam dan swasta dalam pelbagai bidang seperti pentadbiran, pendidikan, ketenteraan, permuziuman dan perkhidmatan. Tambahan lagi, terdapat juga di antara mereka yang melibatkan diri sebagai usahawan dalam perusahaan kecil dan sederhana.***

# Kunjungan Duta Jelitawan Dunia ceriakan insan-insan istimewa



PEMEGANG Amanah Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin (kiri) beramah mesra bersama Duta Jelitawan Dunia', iaitu pemenang 'Miss International 2016' dan 'Miss World 2013', Kylie Fausto Verzosa (dua, kiri) dari Republik Filipina dan kedua ibu bapanya.

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Ihsan Borneo Bulletin**

**BENGKURONG,** Rabu, 12 April. - Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam hari ini menerima kunjungan daripada 'Duta Jelitawan Dunia', iaitu pemenang 'Miss International 2016' dan 'Miss World 2013', Kylie Fausto Verzosa dari Republik Filipina.

Rombongan yang diiringi oleh Syarikat MK Group telah dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Pentadbiran pusat berkenaan, Dayang Nurul Huda binti Haji Muhin.

Terdahulu, rombongan diberikan penerangan ringkas oleh Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin dan menyaksikan tayangan video mengenai pusat tersebut.

Pada lawatan berkenaan, para insan istimewa menerima hadiah berupa pek makanan dan wang tunai yang disampaikan oleh Kylie Fausto Verzosa.

Antara lain lawatan itu bertujuan untuk melihat secara lebih dekat lagi Pusat Ehsan, di samping untuk bergembira bersama insan-insan istimewa di pusat berkenaan.

Pusat Ehsan merupakan sebuah badan amal bukan kerajaan dan tidak berasaskan keuntungan, menyediakan pembelajaran khas yang bermutu, latihan, pemedulian dan perkhidmatan pemulihan anggota kepada insan-insan istimewa di negara ini.

Pada masa ini, seramai 181 orang insan istimewa telah berdaftar dan mengikuti pelbagai program di Pusat Ehsan Bengkurong manakala 53 orang insan istimewa yang berdaftar di Pusat Ehsan Cawangan Kuala Belait.



DUTA Jelitawan Dunia, Kylie Fausto Verzosa ketika bergambar bersama para insan istimewa Pusat Ehsan.



DUTA Jelitawan Dunia ketika membuat lawatan di Pusat Ehsan.

# YSHHB pelajari protokol keselamatan media sosial



TAKLIMAT kesedaran keselamatan khusus mengenai Protokol Keselamatan dalam Pengendalian Media Sosial disampaikan oleh IT Protective Security Services Sdn. Bhd. (ITPSS) atas undangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**IT Protective Security Services Sdn. Bhd. (ITPSS)**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 12 April. - IT Protective Security Services Sdn. Bhd. (ITPSS) atas undangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) telah mengendalikan taklimat kesedaran keselamatan khusus mengenai Protokol Keselamatan dalam Pengendalian Media Sosial di bangunan YSHHB.

Taklimat yang dihadiri oleh 27 orang kakitangan dan guru-guru dari Sekolah Rendah dan Menengah YSHHB itu antaranya bertujuan untuk menggunakan media sosial dengan selamat bagi mempromosikan YSHHB kepada umum.

Ketua kumpulan dari ITPSS, Pengiran Mohd. Farid Zulhusni bin Pengiran Aziz dalam taklimatnya menekankan mengenai kepentingan pengurusan kata laluan dan isu-isu media sosial serta cabaran-cabarannya.

Para peserta juga menyaksikan video-video pilihan kesedaran awam yang telah dihasilkan oleh Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Negara Brunei (Brunei Computer Emergency Response Team - BruCERT).

Taklimat diakhiri dengan sesi soal jawab.

Orang ramai digalakkan untuk mempelajari tentang keselamatan dalam talian dengan melayari laman web kesedaran BruCERT di *www.SecureVerifyConnect.info* atau mendengarkan rancangan radio Cyber Safe di Pilihan FM.

# Jalan Kianggeh ditutup sementara

**Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 April. - Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutama sekali pengunjung dan penduduk yang tinggal di sekitar kawasan Jalan Kianggeh mengenai penutupan sementara Jalan Kianggeh, iaitu dari persimpangan Lampu Isyarat J5 ke J6 menuju ke Kota Batu, di mana jalan akan dilencongkan ke jalan sebelah menghala Tasek Lama.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Kerja Raya, penutupan itu adalah disebabkan oleh kerja-kerja pemasangan beam konkrit di kawasan Pavo Point yang akan mula beroperasi pada Jumaat, 14 April 2017, jam 11.00 malam sehingga jam 5.00 pagi (Sabtu, 15 April 2017).

Sehubungan itu, pengguna-pengguna jalan raya adalah dinasihatkan untuk sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur sesama pengguna jalan raya yang lain demi keselamatan dan kesejahteraan bersama.

Pengguna-pengguna jalan raya juga diingatkan untuk memandu lebih berhati-hati, di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak jabatan ini melalui Talian Darussalam : 123 / Livechat +673 8333123, Facebook : *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* dan e-mel : *pro@pwd.gov.bn.*

# Mahasiswa Program ACT UBD pamer hasil karya

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Ampuan Mahmud Ampuan Haji Tengah

**TUNGKU LINK,** Rabu, 12 April. - Seramai 54 mahasiswa tahun akhir Program Seni dan Teknologi Kreatif (ACT), Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengetengahkan hasil karya mereka melalui Impact 2017 : Pameran Seni dan Rekaan - A Greater Spectacle bermula hari ini sehingga 20 Mei nanti.

Pameran yang dibukakan kepada orang ramai itu memberi peluang kepada mahasiswa Program ACT untuk menyumbangkan bakat mereka kepada industri kreatif di negara ini yang mana pada tahun ini, para mahasiswa akan mempamerkan seni inovatif dan karya rekaan mereka di Galeri Seni, Dewan Canselor, UBD, di sini.

Pembukaan Pameran Impact 2017 berkenaan dirasmikan oleh Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Global), UBD, Profesor Madya Dr. Joyce Teo Siew Yean di ruang legar dewan tersebut.

Profesor Madya Dr. Joyce Teo Siew Yean semasa berucap berkata pameran itu bukan sahaja mengetengahkan kemahiran kreativiti dan pemikiran kritikal setiap mahasiswa tetapi juga semangat kerja berpasukan mereka.

Menurutnya, tema yang difokuskan dalam karya para mahasiswa adalah estetik, penghargaan keluarga, perlindungan alam semulajadi, mural augmented reality, gambar, rekaan corak tradisional, rekaan permainan video dan rekaan produk inovatif.

"Pameran ini membuktikan bagaimana seni dan rekaan kontemporari dapat menjadi komponen yang berharga bagi menghubungkan bersama kreativiti dan pemikiran generasi muda ini melalui ekspresi visual yang kuat," jelasnya.

Tambahnya, ekonomi kreatif termasuk produk audiovisual, rekaan, media baru, seni persembahan, penerbitan dan seni visual adalah salah sebuah sektor yang paling berkembang pesat di dunia.

Menurut sumber yang diperolehi daripada laman sesawang Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), katanya, eksport barang-barang kreatif di negara-negara membangun mengalami pertumbuhan tahunan secara purata sebanyak 12.1 peratus.

Dalam pada itu, sebanyak lima sesi taklimat galeri juga diadakan sempena pameran tersebut pada 15, 18, 22, 25 dan 29 April bermula pukul 2.00 hingga 4.00 petang di mana, setiap pelajar yang terlibat akan mengongsikan idea, inspirasi dan kemajuan projek seni mereka.



PENOLONG Naib Canselor (Hal Ehwal Global) Universiti Brunei Darussalam (UBD), Profesor Madya Dr. Joyce Teo Siew Yean (kanan) memotong reben perasmian Pameran Seni dan Rekaan Para Graduan UBD bertempat di Dewan Canselor UBD (atas).



PROFESOR Madya Dr. Joyce Teo Siew Yean ketika menyaksikan pameran seni dan rekaan para graduan UBD (kiri).

# Pendaftaran Sidang Kemuncak CEO Brunei masih dibukakan



KETUA Projek bagi Sidang Kemuncak CEO Brunei 2017, Dayang Aya binti Azri semasa sidang media berkenaan.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 14 April. - Pendaftaran bagi menyertai Sidang Kemuncak CEO Brunei 2017 yang akan berlangsung pada 10 Mei nanti di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, masih lagi dibukakan.

Persidangan yang bertemakan 'Memimpin Masa Hadapan Brunei : Ekonomi Inovasi' itu dianjurkan oleh CONFEX Training Services dengan kerjasama Regus Brunei.

Para eksekutif termasuk pengurus dan usahawan di negara ini adalah dialu-alukan untuk menyertai persidangan tersebut bagi mengongsikan kaedah terbaik mereka dalam mewujudkan persekitaran yang dapat memupuk inovasi dan kreativiti.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Ketua Projek Eksekutif CONFEX, Dayang Aya binti Azri pada Sidang Media yang berlangsung di Restoran RMS Portview, di ibu negara, di sini.

Menurutnya, persidangan berkenaan akan mengetengahkan sesi pembentangan kertas kerja, sesi soal jawab dan perbincangan panel interaktif yang akan melibatkan penceramah-penceramah daripada para pakar strategi terkemuka dan ahli perniagaan.

Antara penceramah yang akan tampil pada persidangan tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) iFlix Malaysia, Azran Osman-Rani; CEO dan Pengasas Exabytes Group of Companies, Chan See Kiak; Ketua Pemasaran ZALORA Malaysia, Kiriat Argenio; CEO UCSI Consulting Group, Raj Kumar dan Vijayakumar Tangarasan daripada Regus.

Dayang Aya menambah, persidangan itu adalah bagi membuka minda peniaga-peniaga di negara ini dan membantu mereka untuk menginovasikan ekonomi dengan mempelajari kemahiran dan strategi daripada penceramah undangan berkenaan.

Di samping itu, katanya, ia juga bertujuan untuk mengumpulkan para eksekutif dari syarikat-syarikat di semua industri untuk berkongsi pandangan dan idea.

Persidangan itu juga akan menjadi penting dalam kemajuan perniagaan tempatan dan antarabangsa di negara ini, memberikan inspirasi kepada para usahawan dan menggalakkan persaingan bagi mengukuhkan lagi ekonomi negara.

Sementara itu, Penolong Projek CONFEX, Dayang Syarifah Liyana binti Masri berkata, pendaftaran untuk menyertai persidangan tersebut mendapat sambutan yang amat menggalakkan, yang mana seramai 60 orang telah pun mendaftar bagi menyertai acara setakat ini.

Untuk maklumat lanjut dan pendaftaran Sidang Kemuncak CONFEX Brunei 2017, bolehlah menghubungi melalui talian +673 2651155 atau +673 8282217 atau melalui e-mel : *register@confex-mice.com.*

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (*sealed*) ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

**Tajuk Tawaran 1 :**
**Cadangan Reka Bentuk dan Pemasangan Lif**
**di Bangunan Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei**
**Bilangan Tawaran : AME / 2017 - 2018 / SH - 18**

**Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran :**
**Tidak lewat jam 2.00 Petang, 25 April 2017, Selasa.**
**Tarikh tutup tawaran pada :**
**Jam 2.00 Petang, 26 April 2017, Rabu.**

**Kepada :**
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga**
**d/a Tingkat Bawah Bahagian Kewangan**
**Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam**
**Kementerian Perhubungan**
**Bandar Seri Begawan, BB2513**
**Negara Brunei Darussalam.**

Iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman *website : http:/www.civilaviation.gov.bn.*

5. Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki memperolehi dokumen-dokumen dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam dengan **membayar yuran tawaran sebanyak BND10.00 (*hardcopy*) - tidak dikembalikan** bagi setiap tawaran dan pembayaran tawaran diterima pada waktu bekerja seperti berikut :

**Isnin** hingga **Khamis**
**8.30 Pagi** hingga **12.00 Tengah Hari**
**1.45 Petang** hingga **3.30 Petang**
**Sabtu**
**8.30 Pagi** hingga **12.00 Tengah Hari**
**1.45 Petang** hingga **3.30 Petang**

Sesi taklimat tawaran (***briefing***) atau / dan lawatan tapak (***site visit***) bagi tawaran akan diadakan seperti berikut :

**Pada: 19 April 2017 (Rabu)**

**Jam: 8.30 Pagi** hingga **11.30 Pagi**
atau
**1.45 Petang** hingga **3.30 Petang**

**Tempat Berkumpul :**
**Dewan Serbaguna Bangunan Pengurusan**
**dan Kejuruteraan Pemeliharaan Aset (AME)**
**Jabatan Penerbangan Awam.**

---

**IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

PSC RECRUITMENT

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI



KEJADIAN kebakaran di tapak pembuangan sampah.

# Jabatan Buruh adakan Operasi Rombak di Mukim Seria

Siaran Akhbar : Jabatan Buruh

**SERIA**, Jumaat, 14 April. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh kelmarin telah mengadakan Operasi Rombak 37/2017 jam 9.30 pagi di Kawasan Mukim Seria, Daerah Belait di sini.

Seramai 11 pegawai dari Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Ibu Pejabat Jabatan Buruh dan Pejabat Buruh Cawangan Daerah Belait yang menyertai Operasi telah membuat pemeriksaan ke atas dua buah premis yang menjalankan perusahaan telekomunikasi dan restoran.

Hasil dari pemeriksaan tersebut telah mencatatkan keterangan seramai 22 pekerja yang terdiri daripada 16 pekerja asing dan enam orang pekerja tempatan.

Di antara kesalahan yang didapati adalah penyalahgunaan jawatan dan penempatan pekerja asing yang tidak selaras dengan Lesen Pekerja Asing yang dikeluarkan oleh Jabatan Buruh.

Kesejahteraan pekerja juga diambil perhatian semasa pemeriksaan dijalankan, yang mana ada mendapati isu seperti cuti kelepasan awam tidak diberikan, kerja lebih masa tidak dibayar dan isu kelambatan pembayaran gaji yang melibatkan pekerja tempatan.

Bagi kesalahan penempatan dan jawatan pekerja asing berkenaan akan diambil tindakan pembatalan / pengurangan kuota oleh Jabatan Buruh ke atas Kebenaran Lesen Pekerja Asing majikan dan pekerja asing berkenaan akan dibatalkan sokongan pas kerja dan dipulangkan ke negara asal.

Manakala bagi isu kesejahteraan pekerja Jabatan Buruh tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas mengenainya.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh memberikan peringatan kepada orang ramai dan majikan supaya tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing yang diberikan, yang mana kesalahan mengambil dan menggaji pekerja asing tanpa kebenaran Pesuruhjaya Buruh, boleh diambil tindakan di bawah Bab 112 (1) Perintah Pekerjaan, 2009, jika sabit kesalahan boleh diambil tindakan Undang-Undang kesalahan di bawah Bab 112 (3) Perintah yang sama, iaitu didenda tidak kurang BND6,000.00 dan tidak lebih BND10,000.00 atau penjara tidak kurang dari enam (6) bulan dan tidak lebih dari tiga (3) tahun atau kedua-duanya sekali.

Orang ramai bolehlah menghubungi Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Jabatan Buruh di talian +673 2381848 jika mempunyai sebarang maklumat mengenai penyalahgunaan Lesen Mengambil dan Menggaji Pekerja Asing.




BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh ketika mengadakan Operasi Rombak 37/2017 di Kawasan Mukim Seria, Daerah Belait.

# Sempena sambutan Global Money Week

# 'Pelajari, Simpan dan Dapatkan'

Oleh :
Tabung Amanah Pekerja
dengan kerjasama Meja Kandungan Khas,
Bahagian Pelita Brunei
Terjemahan dari teks asal dalam Bahasa Inggeris oleh :
Dayang Hajah Apsah Haji Sahdan

TAP
Menjana Masyarakat Berhemat



SAMBUTAN Global Money Week pada tahun ini membawa tema Pelajari, Simpan dan Dapatkan.

Artikel ini akan memberi penerangan lebih lanjut mengenai dengan objektif penubuhan Tabung Amanah Pekerja (TAP) kepada warga kerja khususnya rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.

**MEMAHAMI TUJUAN TAP**

Penubuhan Tabung Amanah Pekerja (TAP) adalah selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menampung keperluan rakyat dan penduduk tetap di negara sebagai simpanan hari tua mereka melalui simpanan wajib sebagai persediaan hari persaraan mereka.

**CARUMAN**

Sebaik sahaja awda mula bekerja, awda diperlukan untuk menyimpan sebahagian daripada gaji awda kedalam Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Pencen Caruman Tambahan (SCP). Bahagian ini disebut sebagai 'Caruman'.

Selain simpanan daripada sebahagian gaji awda, majikan awda juga adalah diwajibkan mencarum jumlah yang sama ke dalam simpanan awda (rujuk rajah 1).

**KELEBIHAN KEPADA AWDA SEBAGAI PEKERJA**

- Majikan adalah diwajibkan untuk membayar bahagian caruman mandatori mereka (menambahkan lagi simpanan persaraan awda).
- Caruman awda akan dilaburkan dan setiap tahun akan menerima dividen yang akan dibayar terus ke dalam akaun simpanan, jika ada.
- Simpanan awda akan dilindungi, iaitu awda berhak untuk mengeluarkan jumlah wang sepertimana yang dinyatakan dalam penyata akaun simpanan awda apabila membuat pengeluaran nanti.
- Awda mempunyai wang simpanan tersedia untuk digunakan pada usia persaraan awda.
- Manfaat Perlindungan Keberterusan (*survivorship*) untuk waris awda yang layak.

**APA YANG PERLU DILAKUKAN SETERUSNYA?**

Sekarang awda sudahpun mengetahui bahawa awda mempunyai sedikit simpanan untuk kegunaan persaraan awda. Dan inilah masa untuk awda mempertimbangkan berapa banyak yang awda benar-benar perlukan apabila awda mencecah fasa tersebut. Adakah simpanan awda mencukupi? Adakah ia terlalu banyak?

Sesetengah orang mungkin tidak tahu berapa banyak simpanan yang diperlukan menjelang fasa persaraan. Berikut adalah tiga langkah untuk membantu awda :

- Menganggarkan perbelanjaan masa depan.
- Menggunakan anggaran perbelanjaan bagi mengetahui berapa banyak pendapatan yang awda perlukan (bil-bil, penyelenggaraan rumah, perbelanjaan harian dan lain-lain).
- Menggunakan perkhidmatan kalkulator persaraan.

***'KITA perlu membuat persediaan yang kita inginkan lebih awal sebelum persaraan kita. Kita tidak boleh hanya berharap bahawa kerajaan akan sentiasa menyokong kita. Generasi celik kewangan tidak berbuat demikian, kerana mereka tidak semata-mata hanya bergantung kepada orang lain untuk hal-hal kewangan mereka. Dan mereka tahu, mempunyai TAP sebagai simpanan wajib untuk kegunaan semasa bersara adalah sesuatu yang kita semua perlu berterima kasih kepada kerajaan, kerana ini adalah salah satu inisiatif kerajaan untuk membantu kita membuat persediaan untuk menghadapi hari persaraan kita.'***

Untuk memudahkannya, TAP ada menyediakan perkhidmatan *online* kalkulator dalam merancang persaraan tersebut di bawah tab Sumber di laman sesawang TAP (*www.tap.com.bn*). Awda boleh menggunakan perkhidmatan kalkulator tersebut bagi menilai berapa banyak yang awda perlukan untuk persaraan awda nanti.

Maklumat ini boleh digunakan bagi merancang persediaan persaraan awda.

Awda mungkin mahu mempertimbangkan untuk menambah jumlah simpanan caruman awda ke dalam skim TAP, melalui Caruman Sukarela ataupun dengan merujuk dan mendapatkan nasihat dari Perancang Kewangan yang dikhtiraf dari bank pilihan awda sendiri.

**CARUMAN SUKARELA TAP**

Dengan cara ini, awda dibolehkan untuk mencarum lebih daripada jumlah mandatori yang telah ditetapkan untuk skim TAP dan skim SCP. Dengan tujuan untuk menambahkan simpanan awda bagi menampung anggaran keperluan awda semasa bersara.

Sumbangan boleh dibuat melalui kaunter TAP atau melalui perkhidmatan online TAP, e-Amanah. Jumlah minimum sebanyak BND10 adalah ditetapkan bagi caruman ke dalam skim TAP.

Oleh kerana ini adalah caruman sukarela daripada ahli, majikan tidak dimestikan untuk membuat sebarang caruman tambahan. Walau bagaimanapun, majikan boleh memilih untuk mencarum sebagai manfaat tambahan untuk pekerja mereka.

**SECARA RINGKAS**

Kita perlu membuat persediaan yang kita inginkan lebih awal sebelum persaraan kita. Kita tidak boleh hanya berharap bahawa kerajaan akan sentiasa menyokong kita. Generasi celik kewangan tidak berbuat demikian, kerana mereka tidak semata-mata hanya bergantung kepada orang lain untuk hal-hal kewangan mereka. Dan mereka tahu, mempunyai TAP sebagai simpanan wajib untuk kegunaan semasa bersara adalah sesuatu yang kita semua perlu berterima kasih pada kerajaan, kerana ini adalah salah satu inisiatif kerajaan untuk membantu kita membuat persediaan untuk menghadapi hari persaraan kita.

Ingat untuk menyimpan sedikit daripada pendapatan awda untuk hari persaraan awda. Lebih awal awda melakukannya, lebih baik dan kita pasti tidak akan menyesal di masa hadapan. Bagaimana kita boleh ingat konsep ini? Ia sangat mudah, tema Global Money Week 2017 merangkumi kesemuanya - "Pelajari, Simpan, Dapatkan".

Jika awda memerlukan maklumat lanjut mengenai skim-skim di bawah TAP, awda boleh menghubungi TAP melalui :

- Telefon +673 238 2800
- Laman web : www.tap.com.bn
- E-mel : *ask@tap.com.bn*
- Twitter : *TAP_Brunei*
- Facebook : *Tabung Amanah* Pekerja (TAP)
- Instagram : *TAP_Brunei*




**RAJAH 1**

| | |
|---|---|
| Contoh : Bulanan Gaji | BND990.00 |
| Caruman daripada pekerja (TAP & SCP) 8.5% | BND84.65 |
| Caruman daripada majikan (TAP & SCP) 8.5% | BND84.65 |
| **Jumlah caruman pekerja (TAP & SCP) 17%** | **BND169.30** |

* Awda boleh merujuk ke Buku Panduan Kadar Caruman TAP yang boleh didapati di laman sesawang TAP ataupun dengan mengunjungi mana-mana cawangan TAP.

# Peserta negara antara 10 terbaik



WAKIL Negara Brunei Darussalam, Awangku Muhammad Khairul Ikhwan bin Pengiran Haji Alit merupakan salah seorang daripada sepuluh peserta terbaik dalam '24th Universal Glorious Al-Quran Competition' dengan mendapat tempat ke-6 dalam Kategori Menghafaz 30 Juz Al-Quran.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 April. - Wakil negara, Awangku Muhammad Khairul Ikhwan bin Pengiran Haji Alit berjaya menjadi salah seorang daripada 10 peserta terbaik dalam 24th Universal Glorious Al-Quran Competition dengan mendapat tempat ke-6 dalam Kategori Menghafaz 30 Juz Al-Quran.

Beliau merupakan mahasiswa tahun tiga di Ma'had Al-Qiraat Shoubra, Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Hal Ehwal Ugama, 24th Universal Glorious Al-Quran Competition dianjurkan bersama oleh Kementerian Awqaf, Republik Arab Mesir dan Universiti Al-Azhar yang diadakan pada 8 - 10 April 2017 lepas di Kaherah, Republik Arab Mesir dan disertai oleh 60 peserta dari 43 buah negara.

Peserta pertandingan berkenaan dinilai berdasarkan kebolehan mereka dalam hafazan dan bacaan Al-Quran.

## Penutupan sementara sebahagian Jalan RIPAS

**Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 April. - Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama sekali para pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara sebahagian jalan menuju Bandar Seri Begawan di kawasan Jambatan Edinburgh, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Penutupan sementara ini adalah disebabkan oleh kerja-kerja pembaikan paip pembetungan bawah tanah di jalan tersebut yang akan dilaksanakan bermula jam 3.30 petang pada 12 April 2017 sehingga kerja-kerja selesai dan usaha bagi menyiapkan kerja-kerja membaik pulih akan disegerakan.

Sehubungan itu, pengguna jalan raya adalah dinasihati untuk sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur sesama pengguna jalan raya yang lain demi keselamatan dan kesejahteraan bersama.

Pengguna jalan raya juga diingatkan untuk memandu lebih berhati-hati di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak Jabatan ini melalui Talian Darussalam : 123 / Livechat +673 8333123, Facebook : *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* dan e-mel : *pro@pwd.gov.bn.*

## HALUAN

## Penubuhan TAIB memenuhi tuntutan fardu kifayah

**Dari muka 2**

Dalam masa yang sama, Darussalam Holdings Sdn. Bhd. juga menunjukkan perkhidmatan yang semakin meningkat. Pada mulanya Darussalam Holdings ditubuhkan bagi membantu urusan-urusan haji dan umrah, pada masa ini, syarikat berkenaan juga menawarkan lawatan-lawatan keluar negeri bagi pakej-pakej ke tempat-tempat bersejarah Islam dan mendatangkan pelancong-pelancong ke negara ini.

Alhamdulillah, meskipun dengan bilangan jemaah haji telah dihadkan mengikut kuota-kuota yang dikenalkan semasa musim haji, bilangan orang-orang Brunei yang berziarah ke tanah suci atau menunaikan ibadah Umrah semakin meningkat terutama sekali musim-musim cuti sekolah.

Darussalam Holdings juga menawarkan perkhidmatan Islamic Tourism untuk membantu mengembangkan sektor pelancongan di negara ini dengan menawarkan pakej-pakej yang berunsurkan syariah bagi pelancong-pelancong dari negara-negara jiran ke negara ini. InsyaaAllah, usaha-usaha mendatangkan pelancong asing dari negara-negara di luar kawasan rantau ini juga sedang dipertingkatkan.

Perbadanan TAIB juga adalah pemilik kepada dua buah stesen minyak iaitu Stesen Minyak TAIB Beribi dan Stesen Minyak TAIB Delima. Asal tujuan memiliki stesen ini adalah sebagai pelaburan dan untuk memberi peluang pekerjaan bagi rakyat di negara ini. Perbadanan TAIB adalah di antara pemilik stesen minyak yang menggunakan seratus peratus tenaga kerja orang tempatan dari awal lagi stesen-stesen ini diusahakan hingga sekarang.

Ampun beribu ampun,

Bagaimanapun dengan pencapaian Perbadanan TAIB yang begitu menggalakkan, ini adalah dimaklumi bahawa landskap perbankan telah berkembang dengan pesatnya. Bagi menempuhi daya evolusi seperti pembahan *customer expectation,* kawalan selia pihak-pihak berkuasa yang perlu dipatuhi, teknologi, demografi, saingan baharu, perkembangan produk dalam dan luar negeri dan perubahan ekonomi global dan tempatan, untuk kekal memberi perkhidmatan yang sama bukanlah menjadi pilihan.

Perbadanan TAIB tidak dapat *complacent* dan perlu mencorak langkah strategi selaras dengan perkembangan semasa demi untuk terus memperkukuhkan Perbadanan TAIB sebagai insitusi kewangan Islam yang unggul di negara ini.

Dengan pengalaman-pengalaman yang telah dicapai sepanjang 25 tahun kewujudannya, insyaaAllah Perbadanan TAIB akan bersedia untuk melangkah kepada penubuhan anak syarikat perbankan Islam dalam masa-masa terdekat.

Dengan penubuhan perbankan Islam itu nanti, Perbadanan TAIB akan dapat terus berkembang ke era teknologi digital dengan memberikan tumpuan kepada kehendak pelanggan selaras dengan peredaran semasa, produk yang kompetitif, rangkaian yang luas dengan penjenamaan Perbadanan TAIB sebagai sebuah institusi kewangan Islam yang bertaraf antarabangsa.

Ampun beribu ampun,

Dalam menyambut Ulang Tahun TAIB yang Ke-25 ini, satu program telah disediakan bagi meraikan Jubli Perak TAIB. Beberapa aktiviti telah disusun dalam bentuk pendidikan, keagamaan, keusahawan kecil dan sederhana dan patriotisme selaras dengan Wawasan Brunei 2035. Aktiviti-aktiviti ini telah dijalankan sejak 29 September 2016, yang mana adalah termasuk Projek Tarbiyyah untuk anak-anak kurang berkemampuan yang berdaftar dengan MUIB, Ceramah Perdana, Program Keusahawan dan sebagainya.

Aktiviti-aktiviti ini dilaksanakan dengan kerjasama dan sokongan beberapa agensi kerajaan dan syarikat-syarikat tempatan seperti MUIB, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Darussalam Enterprise (DARe), Program Pembahagian Asnaf Zakat (Propaz), MuBn Learning and Growth Company, Startup Hub BIMPEAGA (SUHBE) Co.

Pada majlis ini, penganugerahan kepada sepuluh finalis Program Usahawan TAIB akan disaksikan. Program ini dianjurkan oleh Perbadanan TAIB dengan kerjasama DARe bersempena Ulang Tahun Penubuhan Perbadanan TAIB yang Ke-25 dengan tujuan untuk memberi sokongan ke atas usaha-usaha kerajaan dalam memajukan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (SMEs). Di antara objektif program ini adalah untuk memberi peluang kepada pemilik-pemilik syarikat tempatan untuk mempertingkatkan pengetahuan seperti dalam bidang pengurusan perniagaan, pemasaran dan kewangan; dan juga untuk membina keyakinan diri dalam perjumpaan bersama pelanggan dan pelabur tempatan atau antarabangsa.

Program Usahawan TAIB ini telah diadakan selama dua minggu bermula 4 Januari 2017 hingga 18 Januari 2017 lepas. Seramai 54 peserta telah mengikuti program ini dan mereka seterusnya diberi peluang untuk menyertai pertandingan Perbadanan TAIB Enterprenuership Challenge. Dalam pusingan akhir pertandingan tersebut seramai 10 peserta terbaik telah terpilih untuk menyampaikan atau *'Pitch'* mengenai idea dan strategi perniagaan mereka dalam waktu yang terhad kepada tiga hakim yang terdiri dari ahli-ahli perniagaan dalam dan luar negara. Hasil daripada pertandingan itu, tiga pemenang juga telah dikenal pasti.

Sempena Sambutan Ulang Tahun Perbadanan TAIB yang Ke-25 Tahun, sebagai langkah Perbadanan TAIB bagi usahawan-usahawan ini untuk terus berkembang dan menyumbang kepada mempelbagaikan ekonomi negara, Perbadanan TAIB akan memberikan pembiayaan tanpa keuntungan di bawah konsep Qardhul Hasan dengan jumlah maksima $25,000.00 tertakluk kepada terma dan syarat-syarat pembiayaan. (Kebawah Duli Tuan Patik akan berkesempatan beramah mesra dan menerima junjung ziarah dari mereka ini di Pameran Usahawan nanti).

Dengan adanya skim pembiayaan ini diyakini akan serba-sedikit membantu usahawan-usahawan berkenaan untuk mencapai atau merealisasikan impian perniagaan mereka dalam tempoh 3 ke 5 tahun akan datang.

Sempena Sambutan Jubli Perak TAIB ini juga, Perbadanan TAIB akan menganjurkan Program Bantuan Pendidikan Tinggi bagi Pelajar-pelajar dari Golongan Fakir Miskin yang berdaftar di MUIB dan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM). Bantuan yang diberikan akan diambil daripada Dana Amal Mashlahat Umum, Perbadanan TAIB. Tujuan bantuan ini adalah untuk membina tenaga manusia yang berpendidikan, di samping untuk meningkatkan taraf kehidupan.

Buat mengakhiri, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan penuh hormat dan takzim sekali lagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik bercemar duli ke Majlis Sambutan pada pagi ini. Dan seterusnya hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung perkenan pada menyembahkan sembah ucapan menjunjung kasih di atas keberangkatan paduka anakanda Kebawah Duli Tuan Patik :

- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri;

Paduka-paduka adinda Kebawah Duli Tuan Patik,

- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah;

- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah

- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Bolkiah

Paduka-Paduka anaknda Kebawah Duli Tuan Patik

- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim;

- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik

- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen

- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel

Dan di atas keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria;

Ucapan terima kasih juga diucapkan di atas kehadiran:

- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet;

- Yang Mulia Timbalan-Timbalan Menteri;

- Dif-Dif Kehormat,

- Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Sambutan Ulang Tahun Perbadanan TAIB Ke-25, agensi-agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang terlibat dalam menjayakan majlis ini, Autoriti Monetari Brunei Darussalam, Brunei Shell Marketing dan syarikat-syarikat swasta yang berkenaan.

Hadirin dan hadirat yang hadir di majlis penuh bermakna dan bersejarah ini

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik jua di akhir kesempatan ini menyembahkan ucapan menjunjung ampun dan maaf andai ada sebarang sorok langkah dan keolahan yang kurang tertib di dalam menyembahkan sembah aiu-aluan ini dan juga di dalam mengungkayakan Sambutan Ulang Tahun Perbadanan TAIB Ke-25 pada pagi ini. Sekian.

Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugeraha.

# Kota Junior menentang Kuantan Rangers malam ini



KETUA Pasukan Kota Junior, Faizul Jeffry bin Haji Zaini (kiri), Jurulatih Kota Junior, Mohd. Faisal bin Mat Salleh (dua, kiri) bersama Jurulatih Kuantan Rangers, Mohammad Faizul bin Abdul Gaffar (dua, kanan) and Ketua Pasukan Kuatan Rangers, Mohd Akhmall Abdullah (kanan) semasa Sidang Media di NFABD House.

Oleh : Rohani Hj Abd Hamid
Foto : Pg Amirulizam Pg Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 14 April. - Kota Junior akan menentang Kuantan Rangers dalam perlawanan persahabatan menjelang Liga Futsal Brunei (BFL) 2017 anjuran Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) yang akan berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas malam esok, (Sabtu).

Pada Sidang Media di NFABD House petang tadi, jurulatih Kuantan Rangers Mohammad Faizul bin Abdul Gaffar berkata, pasukannya akan bersaing dengan salah sebuah pasukan yang terkuat di negara ini, Kota Junior yang juga telah memenangi liga pada tahun lepas.

Walaupun Kota Junior memang luas pengalaman bermain dengan pasukan tempatan namun ini adalah kali pertama pasukan itu akan menentang pesaing dari luar negara.

"Kami ingin berterima kasih kepada NFABD dan jawatankuasa penganjur BFL 2017 kerana menjemput kami ke sini," katanya.

Menurutnya, pasukan Kuantan Rangers pertama kali akan bermain di luar negara dan ia adalah satu penghormatan yang sangat besar bagi mereka.

Kota Junior tambahnya, merupakan juara bertahan liga dan ini adalah cabaran yang besar bagi mereka.

Sementara itu, Jurulatih Kota Junior, Mohd. Faisal bin Mat Salleh berkata mereka merasa bersemangat kerana berpeluang untuk bertemu dan menentang pasukan luar negara.

Katanya, setelah bermain dengan pasukan Brunei beberapa kali, Kota Junior tahu semua tentang strategi dan teknik musuh setempat mereka.

"Tetapi ini adalah kali pertama kami bersaing dengan pasukan asing, jadi ia mungkin akan menjadi sedikit kejutan untuk kami," kata Mohd. Faisal.

Mohd. Faisal seterusnya menyatakan, pasukannya hanya berlatih untuk tiga minggu sebelum BFL 2017. Walaupun begitu, mereka mampu mempertahankan kejuaraan mereka.

Jelasnya, itulah matlamat pasukan Kota Junior ketika ditanya sama ada pasukan itu bersedia untuk memenangi liga itu sekali lagi.

"Kami perlu meningkatkan disiplin dan kecergasan. Beberapa pemain kami bertanding dalam Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) baru-baru ini dan saya pasti kecergasan dan stamina mereka berada pada tahap yang tinggi," katanya.

# Sekolah Rendah Kampung Menengah johan Sepak Takraw



KETUA Kokurikulum Daerah Tutong, Awang Ajamain bin Haji Othman selaku tetamu kehormat bergambar ramai bersama pemenang-pemenang Kejohanan Sepak Takraw Sekolah-Sekolah Rendah Kluster 5.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG,** Khamis, 13 April. - Pasukan Sekolah Rendah Kampung Menengah muncul johan dengan mata 2 - 1 setelah menewaskan Pasukan Sekolah Rendah Bukit Udal pada Kejohanan Sepak Takraw Sekolah-Sekolah Rendah Kluster 5 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Tutong, di sini.

Dengan itu, naib johan disandang oleh Pasukan Sekolah Rendah Bukit Udal manakala Pasukan Sekolah Rendah Perpindahan Bukit Beruang menduduki tempat ketiga setelah menumpaskan Pasukan Sekolah Rendah Binturan dengan mata 2 - 1.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian piala serta sijil penyertaan ialah Ketua Kokurikulum daerah ini, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Ajamain bin Haji Othman.

Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Cawangan Daerah Tutong mengadakan kejohanan berkenaan dan dikendalikan oleh Sekolah Rendah Bukit Udal, Tutong selaku tuan rumah yang berlangsung selama tiga hari bermula 11 April lalu.

Kejohanan yang merupakan projek tahunan Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Cawangan Daerah Tutong itu antaranya bertujuan untuk menjalinkan hubungan silaturahim di kalangan murid yang dibukakan kepada sekolah-sekolah rendah mengikut kawasan kluster 5.

# Tabuan 'A' tumpaskan Kilanas FC 7 - 0

Oleh : Saerah Haji Abd. Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 14 April. - Liga Belia Bawah 16 Tahun Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) hari ini menyaksikan Pasukan Tabuan 'A' berpesta gol apabila menewaskan Pasukan Kilanas FC 7 - 0.

Perlawanan yang berlangsung di Padang Bola Sepak NFABD pada separuh masa pertama mempamerkan Tabuan 'A' terlebih awal mendahului jaringan menerusi pemain jersi 19, Awang Md. Addy Aiman bin Haji Norrajrin pada minit 4, sekali gus merubah kedudukan menjadi 1 - 0.

Kilanas FC terus membuat serangan hebat tetapi serangan pantas pemain Tabuan 'A', Awang Md. Addy Zaky Billah bin Haji Awang Raimi, jersi 6 berjaya menjaringkan dua gol pada minit 9 dan 21.

Kilanas FC bertambah hampa apabila Tabuan 'A' sekali lagi menambah jaringan gol oleh Awang Md. Addy Aiman pada minit 24.

Pada separuh masa kedua, Tabuan 'A' makin ligat beraksi sehingga pemainnya, Imam Mahdi bin Suhaimi, jersi 7 berjaya menjaring gol pada minit 38.

Tabuan 'A' tetap tidak memberi peluang kepada pihak lawannya apabila pemainnya, Awang Aminuddin Haji Masri, Jersi 10 berjaya menjaring gol pada minit 45 dan melalui Awang Irfan bin Roshidi, Jersi 13 pada minit 48, menjadikan kedudukan kekal 7 - 0 sehingga wisel penamat dibunyikan.

**AKSI perlawanan Tabuan 'A' menentang Kilanas FC semasa saingan Liga Belia Bawah 16 Tahun Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) bertempat di Padang Bola Sepak NFABD.**



# NFABD hargai sokongan berterusan DST

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 April. - Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (National Football Association of Brunei Darussalam - NFABD) menghargai sokongan berterusan DST bagi kejohanan bola sepak utama negara pada Majlis Penandatanganan Penajaan antara kedua-dua pihak pada hari ini.

Sebagai penaja bola sepak Brunei selama lebih daripada 10 tahun, DST bersetuju untuk menjadi penaja utama bagi DST Super League, DST Premier League, DST FA Cup dan DST Sumbangsih Cup bagi tahun 2017 pada Majlis Penandatanganan yang berlangsung di NFABD House, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan penandatanganan berkenan ialah Ketua Pegawai Eksekutif DST, Suhaimi Hussain.

Menandatangani bagi pihak NFABD ialah Awang Haji Madli bin Haji Mohd. Yusuf dan Setiausaha Agung NFABD, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah, manakala DST diwakili oleh Penolong Pengurus Besar Komunikasi Korporat Kumpulan DST, Radin Sufri Radin Basiuni dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif DST, Awang Haji Marsad bin Haji Ismail.

Timbalan Presiden NFABD, Awang Haji Madli dalam siaran akhbar badan itu menyatakan rasa gembira dan terima kasih terhadap sokongan tersebut.

"Ini adalah bukti bahawa DST mengambil berat tentang bola sepak Brunei Darussalam dan memberi sokongan untuk membangunkan bola sepak Brunei Darussalam. Liga tahun ini akan menampilkan jurulatih lesen B - Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) dalam setiap perlawanan kelab Super League DST bagi meningkatkan kualiti pertandingan.

NFABD telah merancang pelbagai aktiviti pada tahun ini, dan acara kemuncak bagi 2017 ialah Kursus Lesen A - Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC). dimana seramai enam jurulatih tempatan telah menerima sijil dan yang pertama untuk negara," jelas Haji Madli sejurus selepas majlis penandatanganan tersebut.

Sementara itu, DST dalam siaran akhbarnya pula menyatakan bahawa dengan pembaharuan kerjasama, DST akan terus meneliti dan mengkaji semula kualiti liga dan para pemain yang terlibat. Jangkaan berterusan DST adalah untuk membekalkan sumber dan sokongan yang tepat kepada para pemain.

Di samping itu, DST juga mengiktiraf keperluan untuk pembangunan berterusan bola sepak dan oleh itu memberikan penekanan yang kuat terhadap perancangan seterusnya untuk pasukan terlibat yang diharap akan mampu membela bakat-bakat muda untuk menyertai liga dan memberikan mereka pendedahan.

Selain itu DST juga meningkatkan sokongannya secara berterusan untuk menggilap sukan bola sepak dari peringkat akar umbi hingga ke tahap veteran dengan memberikan sokongan kepada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO's) bagi mendukung sukan negara.

DST juga terus menganjurkan Piala Futsal Tahunan Kali Ke-4 kepada anak-anak yatim seluruh negara sebagai sebahagian daripada 'Ihsan Kasih' Program Tanggungjawab Sosial Korporat yang bermula Ahad, 16 April 2017 selain menyokong inisiatif-inisiatif bola sepak yang lain termasuk Veteran Football Association (VFA) and DPMM Football Club.

Perlawanan musim pertama 2017 akan bermula dengan Piala Sumbangsih pada hari Rabu, 19 April 2017 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.




**TIMBALAN Ketua Pegawai Eksekutif DST, Awang Haji Marsad bin Haji Ismail (kiri) dan Timbalan Presiden NFABD, Awang Haji Madli bin Haji Mohd. Yusuf (kanan) bertukar cenderamata selepas Majlis Penandatanganan yang disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif DST, Suhaimi Hussain (tengah).**

## Lapan kategori beraksi pada peringkat akhir badminton

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Jabatan Pendidikan Kokurikulum**

**TUTONG**, Khamis, 13 April. - Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Cawangan Daerah Tutong mengadakan Kejohanan Peringkat Akhir Badminton Sekolah-Sekolah Menengah Kluster 5.

Kejohanan selama tiga hari yang bermula 11 April itu dikendalikan oleh Sekolah Menengah Sayyidina Othman, Tutong selaku tuan rumah.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah serta sijil penyertaan kepada para pemenang ialah Ketua Kokurikulum Daerah Tutong, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Ajamain bin Haji Othman yang berlangsung di Sekolah Menengah Sayyidina Othman, di sini.

Perlawanan akhir pada hari ini adalah bagi Kategori 'B' (Single Lelaki); Kategori 'B' (Single Perempuan); Kategori 'B' (Double Lelaki); Kategori 'B' (Double Perempuan); Kategori 'C' (Single Lelaki); Kategori 'C' (Single Perempuan); Kategori 'C' (Double Lelaki) dan Kategori 'C' (Double Perempuan).

Kejohanan adalah bagi pemain perseorangan dan beregu yang dibahagikan pada dua kategori, iaitu Kategori 'B' (pelajar lelaki / perempuan berumur 15 tahun ke bawah - lahir pada tahun 2002 dan ke atas); dan Kategori 'C' (pelajar lelaki / perempuan berumur 16, 17 dan 18 tahun - lahir pada tahun 1999, 2000 dan 2001 sahaja).

Bagi Kategori Lelaki 'B' sebanyak empat buah Sekolah-Sekolah Menengah Kawasan Kluster 5 telah menyertai dan lima buah sekolah menyertai Kategori Lelaki 'C', sementara itu bagi perempuan, sebanyak empat buah sekolah menyertai bagi kedua-dua kategori.

Turut hadir, pengetua-pengetua, timbalan-timbalan pengetua sekolah-sekolah yang terlibat, pegawai-pegawai kokurikulum Tutong juga guru-guru pengawas pasukan bola sepak sekolah-sekolah yang mengikuti kejohanan ini.

Tujuan kejohanan tersebut diadakan adalah sebagai salah satu kegiatan projek tahunan Jabatan Pendidikan Kokurikulum Cawangan Daerah Tutong, di samping mengembangkan daya saing sihat dan keluhuran budi serta membina jasmani dan rohani sihat juga mantap, di samping meningkatkan tahap disiplin murid.



**AKSI peserta Kejohanan Peringkat Akhir Badminton Sekolah-Sekolah Menengah Kluster 5 yang berlangsung di Sekolah Menengah Sayyidina Othman.**




# Skuad Ragbi Kebangsaan sertai Kejohanan SEA 7's



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (kiri) semasa menyerahkan Bendera Negara kepada Ketua Jurulatih Skuad Ragbi Kebangsaan, Awang Rosmi bin Janadie (tengah) yang mewakili negara ke Kejohanan South East Asia 7's pada 14 April 2017 di Stadium Yio Chu Kang, Republik Singapura.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN** Khamis, 13 April. - Skuad Ragbi Kebangsaan Brunei Darussalam mewakili negara ke Kejohanan South East Asia (SEA) 7's pada 14 April di Stadium Yio Chu Kang, Republik Singapura.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Bendera Negara diadakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, yang disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof kepada Ketua Jurulatih Skuad Kebangsaan Ragbi, Awang Rosmi bin Janadie.

Kejohanan tersebut juga disertai oleh tujuh pasukan dari negara rantau Asia Tenggara, iaitu Republik Singapura selaku tuan rumah, Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Laos, Malaysia, Republik Filipina dan Thailand.

Terdahulu, Pengurus Skuad Ragbi Kebangsaan Brunei Darussalam, Pengiran Mohd. Ali Redzuan bin Pengiran Haji Damit semasa ditemu bual Pelita Brunei menyatakan, seramai 12 pemain bersama seorang ketua pasukan dan dua jurulatih menyertai kejohanan berkenaan.

"Jika skuad kebangsaan berjaya memasuki ke peringkat akhir, mereka akan berlawan di Stadium National, Republik Singapura pada 15 April 2017 ini," jelasnya.

Tambahnya, tujuan mengikuti kejohanan adalah untuk membuat persediaan pada kejohanan-kejohanan akan datang.

Oleh itu, beliau berharap pasukan negara akan dapat memberikan cabaran pada pasukan-pasukan yang bertanding dalam kejohanan tersebut.

## MS ABDB bertemu Indera SC dalam Piala Sumbangsih DST

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Bola Sepak Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 13 April. - Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) dan Kelab Sukan Indera (Indera SC) bersedia untuk bertemu dalam Piala Sumbangsih DST pada Rabu, 19 April ini.

Pembuka tirai Liga Super DST akan berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada jam 8.15 malam, di mana kedua-dua pasukan tersebut masing-masing berhasrat untuk memenangi Piala Sumbangsih DST buat kali kedua.

MS ABDB memenangi Liga Super DST buat kali kedua berturut-turut pada tahun lepas dan juga menjadi juara DST FA Cup buat kali kelima berturut-turut. Indera menduduki tempat kedua dalam Liga Super DST dan membuatkan pasukan tersebut layak untuk menentang MS ABDB dalam Piala Sumbangsih DST.

Kedua-dua pasukan mempunyai campuran pemain lama dan baharu tahun ini. Walau bagaimanapun, MS ABDB mungkin mempunyai kelebihan sedikit kerana mereka telah berlatih sejak Februari lepas.

Menurut jurulatih Indera SC, Mohd. Yussaini bin Haji Said, MS ABDB adalah pesaing yang kuat dan Indera SC akan membuat langkah yang perlu dan bermain dengan taktik yang betul untuk memberi cabaran yang sengit kepada pasukan MS ABDB.

Sementara itu, jurulatih MS ABDB, Sgt. Haji Mesli bin Haji Dullah pula menegaskan bahawa walaupun pasukannya memenangi kedua-dua kejohanan utama di Brunei tahun lepas, pemainnya tidak hilang semangat untuk memberikan saingan.

Tambahnya, untuk memenangi trofi adalah suatu perkara yang penting buat pasukannya.

"Indera juga pasukan yang kuat. Dan perlawanan ini juga akan membantu kita untuk melihat bagaimana mutu kami di musim baru ini dan jika pemain kami boleh mempertahankan trofi Liga Super DST," tegas jurulatih MS ABDB.




MAJLIS Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) dan Kelab Sukan Indera (Indera SC) bakal bertemu dalam perlawanan merebut Piala Sumbangsih DST pada 19 April nanti.

### Tahukah Awda

**CUPAK** merupakan sejenis alat untuk mencedok beras. Ia diperbuat daripada tempurung yang telah dibuang isinya dan dikeringkan, kulit luar tempurung dihalusi.

Alat ini merupakan sukatan khusus untuk beras. Selain daripada tempurung, cupak ini juga ada yang diperbuat daripada tembaga dinamakan batil, walau bagaimanapun, alat ini hanya dimiliki oleh orang tertentu.

**SUMBER :** Pertukangan Tangan Alat Tradisi Brunei, Mauludiah Haji Md. Yusof, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2016.




BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

**SYUKURI NIKMAT KURNIA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA**

دتربيتكن اوليه جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه جابتن ڤرچيتقن كراجان، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.